

**STPM**  
940/2  
Sejarah 2  
2012  
3 Jam



**JABATAN PELAJARAN NEGERI KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM 2012**

**SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA**  
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

## **SKEMA SEJARAH**

**Kertas 2**

**Sejarah Malaysia, Asia Tenggara, Asia Selatan  
dan Asia Timur 1800 - 1963  
(Tiga jam)**

**Arahan kepada calon:**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN  
BERBUAT DEMIKIAN.**

*Jawab empat soalan sahaja: dua soalan daripada Bahagian A dan dua soalan  
daripada Bahagian B.*

*Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [ ].*

---

**Kertas soalan ini terdiri daripada 2 halaman bercetak.**

© Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan.

**STPM 940/2**

\*Kertas soalan ini **SULIT** sehingga peperiksaan kertas ini tamat

**[Lihat sebelah]**

**JABATAN PELAJARAN NEGERI KELANTAN**

**SKEMA PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2012**

**SEJARAH KERTAS 2 STPM  
SEJARAH MALAYSIA, ASIA TENGGARA, ASIA SELATAN  
DAN ASIA TIMUR 1800 – 1963**

**A. Pengagihan markah**

1. Markah maksimum untuk kertas ..... 100 markah
2. Markah lulus ..... 40 – 49 markah
3. Markah kepujian ..... 50 – 59 markah
4. Markah baik ..... 60 – 69 markah
5. Markah cemerlang ..... 70 markah ke atas

**B. Markah maksimum bagi setiap soalan ialah 25 markah. Panduan pengagihan markah untuk pemeriksaan setiap soalan seperti berikut;**

- |     |                |   |    |
|-----|----------------|---|----|
| 1.  | 00 – 29 markah | = | F  |
| 2.  | 30 – 33 markah | = | D  |
| 3.  | 34 – 36 markah | = | D+ |
| 4.  | 37 – 39 markah | = | C- |
| 5.  | 40 – 44 markah | = | C  |
| 6.  | 45 – 49 markah | = | C+ |
| 7.  | 50 – 54 markah | = | B- |
| 8.  | 55 – 59 markah | = | B  |
| 9.  | 60 – 69 markah | = | B+ |
| 10. | 70 – 78 markah | = | A  |
| 11. | 79 ke atas     | = | A+ |

### **C. Pengagihan markah bagi setiap soalan ialah**

1. Markah untuk pendahuluan atau pengenalan jawapan..... **2/3** markah.
2. Markah untuk penutup atau rumusan .....**2/3** markah. (Markah maksimum untuk pendahuluan atau pengenalan dan penutup atau rumusan ialah **5** markah).
3. Markah maksimum bagi perbincangan isi .....**20** markah.
4. Pembahagian markah boleh dibuat mengikut kadar **12 ½ / 12 ½** atau **15/10** atau **10/15** bagi soalan-soalan yang melibatkan dua buah negeri yang dijawab secara berasingan.
5. Peruntukan markah bagi setiap isi hendaklah dibuat berasaskan kepentingan isi.

#### **A. Keterangan Tambahan.**

- a. Skema jawapan yang disediakan tidak seharusnya dianggap sebagai model jawapan. Ia bertujuan membantu pemeriksa memberi fokus kepada aspek-aspek penting tentang sesuatu tajuk. Sekiranya terdapat fakta-fakta dalam skrip jawapan calon yang diragukan oleh pemeriksa, perkara ini seharusnya dirujuk kepada buku-buku yang berautoriti.
- b. Pemeriksa hendaklah mengambil kira perkara-perkara berikut semasa memeriksa skrip jawapan calon;
  - i. Adakah calon memahami soalan
  - ii. Adakah calon menjawab soalan.
  - iii. Keberkaitan dan ketepatan fakta-fakta dan huraian.
  - iv. Tertib jawapan iaitu mempunyai pendahuluan/pengenalan, bahagian perbincangan isi dan penutup/rumusan.

**Pengerusi Panel Soalan  
Percubaan STPM 2012**

## **SOALAN 1:**

**Bincangkan hukum adat yang diamalkan di Malaysia sebelum kedatangan British 1874.**

### **A. PENGENALAN.**

1. Mengikut Kamus Dewan adat sebagai peraturan yang lazim dilakukan sejak dahulu kala. Dengan kata lain adat bermaksud peraturan yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat secara turun temurun sehingga ianya merupakan hukum yang dipatuhi oleh semua. Sesiapa yang melanggar hukum adat ini boleh dihukum.
2. Terdapat dua jenis hukum adat yang diamalkan di negeri-negeri Melayu sebelum campur tangan British iaitu Adat Perpatih dan Adat Temenggung. Manakala di Sabah dan Sarawak pula terdapat undang-undang Adat Bumiputra.
3. Adat Perpatih dan Adat Temenggung mempunyai perbezaan dalam aspek kawasan dan pengasasan, bentuk dan pelaksanaan, pemerintahan, pelaksanaan undang-undang, pembahagian harta dan kekeluargaan dan perkahwinan. Manakala Adat Bumiputra di Sabah dan Sarawak mempunyai peraturannya tersendiri mengikut kaum masing-masing.

### **B. ISI.**

#### **I. Adat Perpatih**

##### **i. Kawasan dan pengasasan.**

1. Adat Perpatih berasal dari Pagar Ruyung, Sumatera yang diasaskan oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang, menjaga kawasan tanah sebelah darat dan diamalkan di Negeri Sembilan dan Nanning.
2. Adat ini dibawa ke Negeri Sembilan oleh orang Minangkabau pada kurun ke-17.

##### **ii. Bentuk dan Pelaksanaan**

1. Adat Perpatih merupakan adat yang tidak bertulis. Ia adalah pepatah yang diwariskan secara lisan. Susunan hukum dalam adat dikenal sebagai tambo atau perbilangan adat.
2. Hukum adat ini berasaskan dua sumber iaitu resam atau adat turun temurun yang diwarisi dan hukum syarak yang dipatuhi oleh mazhab Shafie. Adat ini dihafal oleh Ketua Adat.

##### **iii. Pemerintahan**

1. Dari segi pemerintahan dan pentadbiran Adat Perpatih bersifat demokrasi. Kuasa pemerintah bukan terletak pada tangan sorang sahaja. Kuasa dibahagikan antara pemerintah, Undang, Lembaga, Buapak dan orang ramai. Ketua-ketua di setiap peringkat dipilih dan dilantik oleh kumpulan ketua daripada peringkat bawah hingga atas.

2. Orang ramai memilih Buapak, Buapak memilih Lembaga, Lembaga memilih Undang dan Undang memilih dan melantik Yang DiPertuan Besar atau Yamtuan.
3. Sistem pemerintahannya mementingkan prinsip pemuafakatan. Yamtuan dipilih secara demokrasi oleh ketua-ketua suku yang dikenali sebagai Undang.

#### **iv. Pelaksanaan Undang-Undang**

1. Dalam Adat Perpatih undang-undang jenayah bersifat pemulihan, berperikemanusiaan dan bertimbangrasa. Hukuman yang diberi bertujuan membaiki keadaan dan bukan untuk menghukum pesalah. Orang yang membuat kesalahan akan didenda berdasarkan kesalahannya dan mangsa diberi ganti rugi. Contohnya seseorang yang cedera akan diberi ganti rugi dalam bentuk ayam atau kambing bergantung kepada keadaan lukanya.
2. Mangsa kecurian boleh dapat balik barang-barangnya. Sekiranya berlaku pembunuhan, si pembunuh mesti menanggung kehidupan keluarga si mati. Hukuman bunuh hanya dikenakan bagi kes yang sangat serius seperti penderhakaan. Hukuman bunuh hanya boleh dijatuhkan oleh Yamtuan Besar sahaja. Hukuman lain ditentukan oleh Buapak atau Lembaga.

#### **v. Pembahagian Harta**

1. Undang-undang pembahagian harta dalam Adat Perpatih mementingkan jurai keturunan sebelah nasab ibu atau diberatkan kepada kaum perempuan. Harta pusaka diturunkan melalui keturunan perempuan, iaitu daripada pihak sebelah ibu sebagai pengasas keluarga kepada anak perempuannya.
2. Dalam keadaan tertentu Adat perpatih menjadikan wanita kaya dan berkuasa. Suami tidak berhak memiliki harta pusaka. Sekiranya seseorang ibu tidak mempunyai anak perempuan, hartanya akan diwariskan kepada adik perempuannya atau anak adik-adiknya dan cucu-cucunya.
3. Secara umumnya harta pasangan dapat dibahagikan kepada tiga jenis iaitu harta carian, harta dapatan dan harta pembawaan. Harta carian ialah harta yang diperoleh bersama sepanjang perkongsian hidup. Harta ini dibahagi dua jika bercerai. Harta dapatan ialah harta yang sedia ada pada si isteri sebelum berkahwin, jika bercerai harta itu kekal di tangan isteri. Harta pembawaan ialah harta yang sedia dimiliki si lelaki sebelum dia berkahwin, jika bercerai bekas isteri tak boleh tuntutan harta itu.

#### **vi. Kekeluargaan dan Perkahwinan.**

1. Dalam aspek perkahwinan, Adat Perpatih tidak membenarkan perkahwinan sesama suku sebaliknya hendaklah berkahwin daripada suku yang berlainan yang dikenali eksogami. Perkahwinan sesama suku tidak digalakkan kerana dianggap tidak mengembangkan keturunan, melanggar adat dan akan dibuang daerah.

Setiap suku mempunyai nama tersendiri seperti Biduanda, Batu Hampar, Paya Kumbuh dan lain-lain lagi.

2. Apabila seseorang anak perempuan berkahwin, suaminya digelar orang semenda. Selepas berkahwin, wanita tersebut akan membawa suaminya tinggal di rumah pusaka (rumah gadang) atau rumah sendiri yang dibina berhampiran rumah pusaka ibunya.
3. Susunan keluarga masyarakat Adat Perpatih berdasarkan matriarchal/matrilineal yang mengutamakan wanita yang disusurgalurkan kepada keturunan sebelah ibu. Susunan keluarga sebegini mengandungi ibu, anak-anak perempuan, anak-anak lelaki, cucu perempuan, cucu lelaki dan seterusnya.
4. Adat perpatih melarang seorang lelaki berkahwin dengan dua atau lebih orang wanita yang berasal daripada suku yang sama.

## **II. Adat Temenggung**

### **i. Kawasan dan Pengasasan**

1. Adat Temenggung berasal dari Palembang, Sumatera, diasaskan oleh Datuk Ketemenggungan, menjaga kawasan persisiran pantai dan laut.
2. Adat ini dibawa ke Melaka pada awal kurun ke-15 lagi. Diamalkan di semua negeri-negeri Melayu kecuali Negeri Sembilan.

### **ii. Bentuk dan Pelaksanaan**

1. Adat Temenggung dilaksanakan di keseluruhan negeri-negeri Melayu kecuali Negeri Sembilan. Pada peringkat awal penyebarannya di Tanah Melayu, adat ini mempunyai pengaruh agama Hindu terutama dalam Undang-Undang Manu. Apabila Islam berkembang adat ini menerima pengaruh Islam dan hukum syarak yang mengikut mazhab Shafie.
2. Adat ini tersebar di negeri-negeri Melayu yang lain dengan nama berlainan tetapi mempunyai fungsi yang sama. Di Johor adat ini dikenali sebagai Undang-undang Johor, di Kedah dikenali sebagai Undang-undang Kedah, di Pahang sebagai Undang-undang Pahang dan di Perak sebagai Undang-undang 99 Perak.

### **iii. Pemerintahan**

1. Adat Temenggung mengamalkan sistem pemerintahan autokratik iaitu kuasa terletak ditangan pemerintah atau raja. Adat ini mementingkan golongan raja atau golongan yang memerintah. Raja atau sultan mempunyai hak keistimewaan dan kuasanya diperkukuhkan melalui konsep daulat dan derhaka.
2. Dipuncak struktur politik ialah raja atau sultan, diikuti oleh kerabat-kerabat, pembesar-pembesar negeri yang memegang jawatan tertentu dan ketua kampung. Sultan merupakan ketua negara, lambang peyatuan dan perpaduan rakyat.

3. Jawatan sultan bersifat warisan, seseorang raja yang mangkat akan diganti dengan putera sulung kecuali di Perak berasaskan sistem giliran. Jika sultan tiada anak lelaki, hak pewarisan takhta jatuh kepada adik lelakinya. Jika kedua-duanya tiada barulah musyawarah dan pemuafakatan antara sultan dengan pembesar menjadi keputusan dalam melaksanakan sistem pentadbiran.

#### **iv. Pelaksanaan Undang-Undang**

1. Bentuk dan pelaksanaan hukumannya adalah lebih tegas dan keras. Bertujuan menghukum serta berpegang kepada prinsip pembalasan. Oleh itu pelaksanaan sesuatu hukuman dibuat dengan tegas agar dapat memberi iktibar dan amaran kepada orang lain supaya tidak melakukan sebarang jenis kesalahan.
2. Hukuman bunuh dikenakan atas kesalahan berat seperti membunuh, mencuri, memfitnah dan menderhaka kepada raja. Hukuman bunuh dilakukan oleh raja atau sultan sahaja. Lain-lain hukuman boleh dilakukan oleh pembesar-pembesar.
3. Undang-undang dalam Adat Temenggung lebih memihak kepada golongan atasan atau pemerintah. Ini bermaksud, sekiranya rakyat dan kerabat diraja melakukan kesalahan yang sama, hukuman yang dikenakan kepada rakyat lebih berat berbanding dengan kerabat diraja.

#### **v. Pembahagian Harta**

1. Kaum lelaki berhak mewarisi lebih banyak harta daripada wanita kerana pengaruh daripada hukum Islam. Ini bermakna jurai keturunan sebelah bapa lebih diutamakan. Pemberian harta yang lebih kepada anak lelaki dalam Islam kerana anak lelaki mempunyai tanggungjawab yang besar berbanding dengan anak perempuan.
2. Jika berlaku penceraian lazimnya cara pembahagian harta suami isteri mengikut hukum syarak. Adat ini menjelaskan harta yang diperolehi semasa perkahwinan dikenali sebagai harta sepencarian. Harta sepencarian bagi harta isteri yang diceraikan dibahagi dua sama banyak. Jika isteri yang diceraikan itu tidak bekerja berhak mendapat satu pertiga sahaja. Harta asal suami atau isteri dikembalikan kepada suami atau isteri berkenaan.

#### **vi. Kekeluargaan dan Perkahwinan**

1. Adat Temenggung bersifat patriarchyal iaitu kaum lelaki lebih diutamakan kerana kaum lelaki melanjutkan keturunan sesebuah keluarga.
2. Ini sejajar dengan prinsip hukum syarak yang mengiktiraf lelaki sebagai ketua keluarga. Adat ini membenarkan perkahwinan dengan sesiapa sahaja (endogami) asalkan tidak bertentangan dengan hukum syarak. Sekiranya mempunyai pertalian darah atau muhrim perkahwinan dilarang.
3. Sesudah berkahwin isteri akan ikut tinggal bersama keluarga suami.

### **III. Adat Bumiputra Sabah dan Sarawak**

1. Adat Sabah berasaskan adat resam kaum. Adat Dusun, Timogun, Tenom dan lain-lain.
2. Adat Sarawak berasaskan adat kaum Iban, Dayak, Melayu, Bidayuh, Malanau, Punau dan sebagainya.
3. Undang-undang adat meliputi peraturan kekeluargaan, perkahwinan, perayaan, pesta, kes-kes ganti rugi, kes jenayah, peraturan pemerintahan/pentadbiran dan sebagainya.
4. Dalam adat Iban contohnya kesalahan berbohong adalah amat memalukan dan hukumannya dengan melonggokkan sampah sarap di jalan masuk ke rumah orang tersebut dan setiap rang yang lalu lalang akan menyumpahnya. Hukuman ini disebut "Tugong Bula".
5. Adat bumiputra menyatakan tentang pantang larang yang perlu diamalkan dan mempunyai keyakinan kepada perkara luar biasa seperti roh turut dinyatakan.
6. Di Sarawak pentadbiran undang-undang adat diputuskan oleh "Tuai Rumah" atau Ketua Rumah Panjang kususnya melibatkan kes-kes kecil. Jika kes berat akan diadili oleh "Orang Kaya Pemanca" (Penghulu). Jika kes mati akan diadili oleh "Pengeran Temenggong" sebagai wakil sultan.

### **C. KESIMPULAN**

1. Sebagai kesimpulannya adat dapat mengawal perlakuan individu dan merapatkan hubungan persaudaraan.
2. Selepas campur tangan British adat semakin diketepikan kerana British memperkenalkan undang-undang Barat. Walau bagaimanapun amalan seharian Adat Perpatih, Adat Temenggong dan Adat Bumiputra di Sabah dan Sarawak masih tetap kekal sehingga hari ini.



## SOALAN 2 :

**Huraikan sistem ekonomi yang diamalkan di Tanah Melayu sebelum campur tangan British 1874.**

### **A. PENGENALAN**

1. Sebelum campur tangan British, sistem ekonomi Tanah Melayu bersifat sara diri. Ekonomi sara diri bermaksud melakukan pelbagai kegiatan ekonomi secara kecil-kecilan untuk menyara diri dan keluarga sahaja. Sekiranya ada kelebihan, barulah dijual atau aktiviti pertukaran mendapatkan barang-barang keperluan lain yang tidak dihasilkan sendiri boleh dijalankan.
2. Kegiatan terpenting ialah pertanian. Di samping itu, terdapat juga kegiatan perikanan, berburu, penternakan, mengutip hasil hutan dan pertukangan.
3. Di samping itu, penduduk Tanah Melayu juga menjalankan kegiatan ekonomi komersial seperti pertanian dagangan, perlombongan dan perdagangan.

### **B. ISI**

#### **i. Ekonomi Sara Diri**

##### **Pertanian**

1. Dari aspek pertanian, padi merupakan tanaman utama. Terdapat dua jenis padi utama. Padi sawah ditanam di kawasan lembah sungai atau tanah rendah dan rata. Ia memerlukan air yang banyak. Padi huma atau padi bukit ditanam di kawasan tanah tinggi atau lereng bukit dan tidak memerlukan air yang banyak. Kawasan penanaman padi yang utama ialah di Kedah Perlis, Seberang Prai, Negeri Sembilan, Pahang dan Kelantan.
2. Sistem pengairan dapat memajukan sistem penanaman padi pada awal abad ke-19. Terdapat 3 jenis pengairan yang digunakan iaitu kincir air, terusan dan empangan. Pada tahun 1885, terusan Wan Mat Saman sepanjang 32km telah dibina di Kedah untuk mengairi sawah padi. Padi dari negeri Kedah dan Perlis mendapat pasaran yang baik di Pulau Pinang. Selain itu, Kedah turut menjalankan sistem pajak (ampun kurnia) yang dianugerahkan oleh raja kepada tauke-tauke dari Pulau Pinang untuk mengusahakan kegiatan ekonomi tertentu.
3. Selain itu, terdapat juga tanaman lain seperti kopi, tembakau, sagu, pisang, jagung, tebu, ubi kayu, lada hitam dan gambir. Pokok buah-buahan juga ditanam untuk kegunaan sendiri seperti kelapa, durian, manggis, langsung dan lain-lain. Terdapat juga pokok pinang, kabung, nibung dan nipah yang mempunyai nilai-nilai perniagaan. Jika berlebihan, ia akan dijual untuk membeli barangan yang tidak mereka hasilkan seperti pakaian.

### **Perikanan**

1. Merupakan aktiviti utama penduduk yang menetap di tepi laut, sungai dan tasik dengan menggunakan peralatan tradisional seperti bubu, lukah, serkap, jala dan kelong.
2. Di Pantai Timur kegiatan perikanan antara bulan Mac dan Oktober. Musim Tengkujuh pula tangkapan tertumpu di sawah padi dan tasik.
3. Jika ada lebih tangkapan dihasilkan pula makanan seperti belacan, cencaluk, budu, keropok dan ikan kering.

### **Berburu**

1. Kegiatan memburu binatang untuk mendapatkan sumber makanan juga dijalankan seperti pelanduk, kancil dan ayam hutan.
2. Kegiatan menjerat gajah dilakukan untuk dijadikan binatang pengangkutan terutamanya di Pahang.

### **Ternakan**

1. Ternakan secara kecil-kecilan seperti lembu, kerbau dan ayam itik dilakukan disamping kegiatan pertanian.
2. Binatang ternakan juga digunakan untuk membajak sawah dan menarik kayu.

### **Memungut Hasil Hutan**

1. Kegiatan sampingan lain dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional ialah mengutip hasil hutan seperti damar, rotan, getah perca, pelutung, kayu dan buluh. Dalam masyarakat Melayu tradisional, kegiatan ini dipanggil “meramu”.
2. Hasil-hasil ini dijual sebagai pertukaran bagi mendapatkan beras, garam dan kain. Perkembangan pusat perdagangan di Kedah dan Melaka membolehkan hasil-hasil hutan dijual kepada pedagang-pedagang asing.

### **Pertukangan**

1. Antara kerja-kerja pertukangan ialah bertukang, bertenun, menganyam kain dan menghasilkan kraftangan. Kegiatan pertukangan melibatkan pertukangan kayu seperti membuat rumah dan sampan serta pertukangan logam seperti membuat alat-alat senjata.
2. Di samping itu, terdapat juga aktiviti membuat periuk belanga daripada tanah. Penduduk di Pantai Timur juga menjalankan aktiviti menenun kain, songket dan membuat alat penangkapan ikan terutamanya pada musim tengkujuh.

## ii. Ekonomi Komersial

### Pertanian Dagangan

1. Sebelum campur tangan British, penduduk Tanah Melayu juga menjalankan sistem ekonomi komersial berlandaskan pertanian dagangan.
2. Awal abad ke-19, ladang-ladang gambir yang luas milik kongsi Cina telah dimajukan di Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor. Di Johor, lada hitam dan gambir diusahakan di antara tahun-tahun 1840-1850-an. Kedua-dua tanaman ini ditanam di bawah sistem Kangchu. Tanaman ini mendapat pasaran yang menguntungkan di Singapura dan Eropah
3. Di Seberang Prai, buah pala, cengkih dan tebu telah diusahakan oleh saudagar-saudagar Eropah pada awal abad ke-19.
4. Ubi kayu ditanam di Melaka pada pertengahan abad ke-19. Dianggarkan pada tahun 1860, terdapat kira-kira 400 hektar ladang ubi kayu di Melaka.

### Perlombongan

1. Pada peringkat awal aktiviti perlombongan dijalankan secara kecil-kecilan. Pembesarpembesar Melayu berperanan sebagai pengeluar modal seperti Long Jaafar dan Ngah Ibrahim di Perak.
2. Bijih timah, bijih besi dan emas merupakan hasil perlombongan yang terdapat di Tanah Melayu. Perlombongan bijih timah tertumpu di kawasan pantai barat Semenanjung Tanah Melayu. Di Perak, bijih timah di kawasan hilir Perak dan Kinta diusahakan pada abad ke-19 oleh pelombong Cina dari Pulau Pinang, contohnya Kapitan Chong Ah Kwee. Kawasan Larut menjadi kawasan utama selepas 1840-an
3. Di Selangor, kawasan perlombongan Lukut dibuka oleh Raja Busu yang berasal dari Kesultanan Selangor. Ramai saudagar negeri-negeri Selat melabur di Lukut. Lebih daripada 20000 orang Cina menjalankan aktiviti perlombongan di Lukut. Kawasan Kelang ialah kurniaan Sultan Muhamad kepada Raja Abdullah. Ia dieksport ke luar pada tahun 1859
4. Di Negeri Sembilan pula, pelombong-pelombong Cina telah melombong di Sungai Ujong sejak 1828. Kawasan ini berkembang pesat pada pertengahan abad ke-19 di bawah Dato' Bandar Kulup Tunggal dan Dato' Kelana. Eksport bijihnya meningkat daripada 7000 pikul pada tahun 1830-an hingga 20000 pikul pada tahun 1855. Kebanyakan bijih dari sini dieksport ke negeri-negeri Selat terutamanya Melaka
5. Lombong-lombong bijih timah dibuka di Melaka seperti kawasan Durian Tunggal, Air Panas dan Kesang telah dibuka sekitar tahun 1840-an
6. Di Pahang, kegiatan perlombongan bijih timah diusahakan di Kuantan oleh saudagar-saudagar negeri-negeri Selat

## **Perdagangan.**

1. Kegiatan ini dilakukan oleh rakyat, pembesar dan golongan bangsawan. Orang Melayu mula terlibat dengan perdagangan antarabangsa dengan adanya pelabuhan seperti Melaka, Pulau Pinang, Kedah dan Johor lama. Contohnya di Terengganu kegiatan perdagangan dengan China menjelang tahun 1830. Masyarakat Cina Terengganu sudah pun mempunyai seorang kapitan Cina. Sultan Omar menggalakkan perdagangan luar yang mengeksport emas, bijih timah, kopi, pinang, rotan dan damar.
2. Barangan lain yang dibeli ialah tembikar, candu dan kain dari pedagang Cina, Arab dan India.
3. Pahang mengeksport bijih timah dan kapur barus serta mengimport sutera dan kain dari Jawa.
4. Johor mengeksport gading gajah, tanduk badak, bijih timah dan pinang kering.
5. Kaum wanita di Kelantan berniaga di pasar-pasar pada abad ke-19 hingga sekarang.
6. Penggunaan mata wang melancarkan jual beli dan perdagangan.

## **Perhutanan**

1. Kegiatan perhutanan yang dijalankan oleh masyarakat Tanah Melayu ialah mencari rotan, getah perca dan pembalakan.

## **C. KESIMPULAN**

1. Kesimpulannya, sistem ekonomi Tanah Melayu sebelum campur tangan Barat merupakan sistem ekonomi sara diri dengan tumpuannya ke atas pertanian dan sistem ekonomi komersial yang berat kepada pertanian dagangan, perlombongan dan perdagangan
2. Tanah Melayu begitu kaya dengan hasil alam sehingga perdagangan dapat dijalankan dengan negara-negara Eropah dan negeri-negeri Selat sejak awal abad ke-19 lagi.
3. Kekayaan hasil bumi ini juga menarik ramai saudagar Cina dan Eropah menanam modal dalam perusahaan pertanian dagangan dan perlombongan

### SOALAN 3:

**Bincangkankan penentangan masyarakat tempatan terhadap pentadbiran British di Kelantan (1915) dan Terengganu (1926).**

#### **A. PENGENALAN**

1. Pada awal abad ke-20, masyarakat tempatan di Kelantan dan Terengganu telah melakukan penentangan terhadap pentadbiran British ekoran daripada perubahan-perubahan politik dan ekonomi yang cuba diperkenalkan oleh British.
2. Di Kelantan, penentangan telah berlaku di daerah Jeram, Pasir Puteh yang diketuai oleh Engku Besar Jeram dan Tok Janggut atau Hj Mat Hassan b. Munas pada tahun 1915.
3. Penentangan di Terengganu pula telah berlaku di daerah Hulu Terengganu antar tahun 1922 hingga 1928 yang dipimpin oleh Hj Abdul Rahman Limbong.
4. Tujuan penentangan ini dijalankan untuk menamatkan pentadbiran British serta ingin menghalau British keluar dari Kelantan dan Terengganu.

#### **B. ISI**

##### **I. Penentangan di Kelantan 1915**

###### **1. Faktor-faktor penentangan**

###### **a. Rasa tidak puashati Engku Besar Jeram**

- i. Engku Besar Jeram telah kehilangan kuasa untuk mentadbir dan memungut cukai di daerah Jeram ekoran daripada tindakan British mengubah struktur pembahagian jajahan di Kelantan. Daerah Pasir Puteh telah ditubuhkan dengan diketuai oleh Pegawai Daerah British menyebabkan daerah Jeam menjadi semakin kecil. Ini telah menjejaskan kuasa tradisi dan kewibawaan Engku Besar Jeram.
- ii. Di bawah sistem pentadbiran baru ini, jawatan Engku Besar Jeram hanyalah sebagai Tok Kweng Muda, iaitu jawatan yang lebih rendah daripada jawatan Tok Kweng. Ini menimbulkan rasa tidak puashati Engku Besar Jeram yang kemudiannya mempengaruhi Tok Janggut dan pengikut-pengikutnya menentang British.

###### **b. Pengenalan cukai baru**

- i. Pentadbir British telah memperkenalkan cukai-cukai baru di Kelantan yang membebankan rakyat. Keadaan ini telah menimbulkan rasa tidak puashati Kelantan termasuk Tok Janggut.

- ii. Antara cukai-cukai baru ialah cukai padi, kelapa, cukai mengutip hasil hutan seperti kercut, nipah dan mengkuang, cukai pokok buah-buahan dan lain-lain. Rakyat perlu melaporkan jumlah tanah mereka kepada Tok Kweng. Cukai juga dikenakan ke atas tanah yang tidak dikerjakan.
- iii. Selain daripada itu, sistem pungutan cukai juga diubah iaitu rakyat perlu membayarnya di pejabat British di Pasir Puteh yang jauh daripada kampung mereka dan perlu membayar dalam bentuk wang bukan hasil. Keadaan ini membangkitkan lagi rasa bencikan British.

#### **c. Sikap Pegawai Daerah Pasir Puteh**

- i. Rakyat juga rasa tidak puas hati dengan sikap Pegawai Daerah Pasir Puteh iaitu Encik Latiff, seorang pegawai British yang sangat tegas dan tidak boleh bertolak ansur dalam hal pembayaran cukai. Selain itu, beliau juga sangat kasar ketika berurusan dengan rakyat seperti mendenda mereka yang gagal membayar cukai, mengeluarkan saman dan memaki hamun penduduk tempatan. Tindakan Encik Latiff ini telah menimbulkan kebencian rakyat terhadap pihak British.
- ii. Keadaan ini telah mendorong Tok Janggut dan pengikutnya menjalankan kempen menggesa orang ramai supaya memulaukan pembayaran cukai. Tindakan Tok Janggut telah mendapat sokongan yang menggalakkan daripada penduduk tempatan.

## **II. Penentangan di Terengganu**

- a. Penentangan di Terengganu berlaku ekoran daripada perubahan-perubahan yang cuba dilakukan oleh British seperti penggunaan pas kebenaran untuk mengutip hasil hutan dan membuka tanah baru, mendaftar tanah serta perlu membayar cukai di pejabat kerajaan yang jauh daripada kampung mereka.
- b. Penentangan berlaku melalui dua tahap iaitu antara tahun 1922 dan 1925 serta tahun 1928.

### **Tahap Pertama.**

- i. Tahap pertama berlaku di daerah Hulu Telemong pada tahun 1922. British telah memperkenalkan pas kebenaran untuk membuka tanah baru. Sebanyak 43 orang penduduk tempatan telah ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah kerana membuka tanah baru tanpa kebenaran British. Mereka telah dibebaskan dengan pertolongan Hj Abdul Rahman Limbong.
- ii. Pada tahun 1925 pula, British sekali lagi telah bertindak menangkap beberapa orang penduduk tempatan di Kuala Telemong kerana membersihkan hutan tanpa kebenaran British. Penduduk mendakwa yang tanah itu bukan tanah baru sebaliknya tanah kepunyaan Tengku Nik Maimunah, seorang kerabat diraja Terengganu. Akhirnya British bertindak melepaskan mereka.

## Tahap Kedua

- i. Tahap kedua berlaku pada tahun 1928 apabila rakyat semakin tidak puas hati dengan peraturan-peraturan baru ini. Dengan dorongan daripada Hj Abdul Rahman Limbong, mereka telah berkumpul di Kuala Berang dan Kampung Pelam untuk berarak beramai-ramai ke Kuala Terengganu bagi mengadakan perjumpaan dengan sultan. Walau bagaimanapun, rakyat telah bertindak menyerang dan membakar balai polis dan pejabat kerajaan di Kuala Berang, memaksa British berundur ke Kuala Terengganu.
- ii. Pasukan dari Kuala Berang ini telah berarak ke Kuala Terengganu dan setelah sampai di Padang Kachong, mereka telah bertembung dengan pasukan polis yang menghalang mereka. Akhirnya berlaku tembak menembak, menyebabkan ramai pengikut Abdul Rahman Limbong terbunuh dan British berjaya menangkap mereka yang terbabit.
- iii. Ramai pemimpin telah ditangkap dan dijatuhkan hukuman oleh British termasuk Abdul Rahman Limbong yang dijatuhkan hukuman buang negeri ke Mekkah dan meninggal dunia di situ

## C. KESIMPULAN

1. Sebagai kesimpulannya kita dapati, penentangan yang dilakukan oleh masyarakat Melayu di Kelantan dan Terengganu telah gagal menghapuskan British.
2. Di Kelantan, Tok Janggut telah terbunuh dalam serangan British di Kg Dalam Pupoh, tempat persembunyian Tok Janggut. British bertindak kejam dengan menyeret mayat Tok Janggut ke Kota Bharu, diarak sekeliling bandar dan digantung kaki ke atas, kepala ke bawah. Mayat Tok janggut telah dikebumikan di Pasir Pekan.
3. Di Terengganu pula, Abdul Rahman Limbong telah dijatuhkan hukuman buang negeri ke Mekkah dan beliau meninggal dunia di sana.
4. Walau bagaimanapun, perasaan tidak puashati orang Melayu tidak pernah pudar dan telah membuka mata British untuk bertolak ansur dengan rakyat.

## **SOALAN 4:**

**Kedatangan golongan imigran ke Tanah Melayu merupakan faktor utama perkembangan bijih timah dan getah sehingga awal abad ke-20. Bincangkan.**

### **A. PENGENALAN**

1. Memang benar kedatangan golongan imigran ke Tanah Melayu merupakan faktor utama perkembangan bijih timah dan getah sehingga awal abad ke-20.
2. Perkembangan pesat oleh perusahaan bijih timah memerlukan tenaga buruh yang ramai dan pada ketika itu kerajaan British kekurangan tenaga buruh kerana orang Melayu hanya tertumpu kepada kegiatan pertanian makanan. Keadaan ini mendorong kerajaan British untuk membawa masuk banyak buruh Cina dari negara China. Selain itu, bekalan buruh dari China pada masa itu sangat murah. Begitu juga perkembangan dalam perusahaan getah mendorong kerajaan British membawa masuk buruh dari India dan golongan ini tertumpu kepada sektor perladangan getah serta membawa masuk budaya kehidupan mereka ke Tanah Melayu.

### **B. ISI**

#### **I. Faktor-faktor perkembangan bijih timah dan getah**

##### **1. Kedatangan golongan imigran Cina dan India.**

- a. Perkembangan bijih timah di Tanah Melayu berkait rapat dengan kedatangan imigran Cina, terdapat 4 aspek penting yang memberi sumbangan kepada perkembangan perusahaan bijih timah iaitu tenaga buruh, teknik peleburan, modal dan pengusaha. Tenaga buruh didapati dengan mudah dan murah daripada imigran Cina dari Selatan China seperti Kwangtung, Kwangsi dan Fukkien. Orang Cina juga memperkenalkan teknik-teknik melombong yang lebih baik iaitu lombong dedah, enjin wap, pam berantai dan saudagar-saudagar Cina dari Negeri-Negeri Selat memberi sumbangan modal bagi menjalankan perusahaan bijih timah di Negeri-Negeri Melayu.
- b. Perkembangan perusahaan getah dikaitkan dengan kedatangan imigran dari India Selatan yang boleh didapati dengan mudah dan murah. Kedatangan ramai imigran India telah membolehkan lebih banyak ladang-ladang dibuka di Tanah Melayu. Orang India memberi sumbangan penting terhadap perkembangan perusahaan getah di Tanah Melayu dan mereka dianggap sebagai rakyat British yang kuat dan rajin bekerja, mudah dikawal dan tidak bercita-cita tinggi. Orang India di bawa masuk melalui sistem kontrak dan sistem kangan. Kehadiran imigran India sebagai buruh telah membolehkan pemodal-pemodal Eropah membuka ladang-ladang getah yang lebih besar.



## **2. Revolusi Industri**

- a. Perkembangan Revolusi Perusahaan sejak abad ke-19 menyebabkan permintaan bijih timah oleh industri-industri di Eropah dan Amerika Syarikat meningkat lebih-lebih lagi selepas terciptanya teknologi mengetin makanan. Permintaan bijih timah telah meningkat menyebabkan harga bijih timah meningkat dan menggalakkan perkembangan pengeluaran bijih timah di tanah Melayu.
- b. Menjelang abad ke-20, permintaan getah meningkat akibat dari perkembangan industri kereta di Eropah dan Amerika, lebih-lebih lagi selepas J.B Dunlop berjaya mencipta tayar angin. Selain itu getah juga diperlukan oleh industri lain seperti alat-alat elektrik, alat-alat perubatan, perkakas rumah dan lain-lain. Permintaan yang bertambah telah menyebabkan harga getah meningkat. Kenaikan harga getah ini mendorong kepada perkembangan penanaman getah di Tanah Melayu dengan lebih meluas lagi.

## **3. Pentadbiran British**

- a. Bermula pada tahun 1874, campur tangan British di negeri-negeri Melayu telah diperkenalkan dengan Sistem Residen. Keberkesanan pentadbiran British dapat mewujudkan keamanan di negeri-negeri Melayu daripada persengketaan di antara pembesar Melayu dan kongsi gelap. Keamanan dan peraturan yang wujud serta kestabilan politik telah membolehkan kegiatan perlombongan bijih timah dijalankan tanpa gangguan. Keseragaman dan kecekapan dalam pentadbiran serta penubuhan Persekutuan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) telah membolehkan perlombongan bijih timah dapat dijalankan dengan lebih giat lagi.
- b. Kerajaan British memberi galakan kepada perusahaan getah. Pada tahun 1897, kerajaan British telah mengenakan cukai yang rendah ke atas tanah yang ditanam dengan getah. Pada 1899 kerajaan NNMB telah membuktikan kesungguhan terhadap tanaman getah dengan memperuntukan wang sebanyak \$4000 untuk tujuan penyelidikan. Pada tahun 1905 Jabatan Pertanian NNMB ditubuhkan di Kuala Lumpur. Jabatan ini membuat penyelidikan tentang teknik penorehan dan jarak yang sesuai untuk tanaman pokok getah. Tahun 1926 Institut Penyelidikan Getah ditubuhkan bagi memajukan perusahaan getah.

## **4. Perkembangan sistem perhubungan dan pengangkutan.**

- a. Pembinaan sistem perhubungan dan pengangkutan seperti jalan raya, landasan kereta api telah membantu perkembangan industri bijih timah dan getah di Tanah Melayu. Pembinaan sistem perhubungan jalan raya dan jalan keretapi memudahkan pengangkutan bijih timah dan getah dari kawasan pengeluaran ke kawasan pelabuhan. Menjelang tahun 1904, terdapat jalan keretapi sejauh 340 batu dan jalan raya 2400 batu. Jalan keretapi pertama dibuka pada tahun 1885 yang menghubungkan antara Taiping – Port Weld, (1886) Kuala Lumpur – Kelang, (1891) Seremban – Port Dickson, (1893) Ipoh – Teluk Anson. Menjelang tahun 1903 sudah terdapat jalan keretapi dari Perai ke Seremban dan 1909 disambungkan ke Johor Bahru. Menjelang tahun 1911, sudah terdapat jalan raya dari Perai ke Singapura.

- b. Pembinaan jalan raya dan jalan klereta api ini memudahkan lagi urusan eksport dan import bijih timah dan getah dari Tanah Melayu di samping import peralatan perlombongan dan menoreh getah ke Tanah Melayu.

## **5. Pengenalan teknologi moden**

- a. Pengenalan kapal korek pada tahun 1912 oleh pelabur Eropah telah membantu perkembangan industri timah di Tanah Melayu. penggunaan kapal korek amat ekonomi malah dapat mengurangkan kos operasi. Kesannya pengeluaran bijih timah telah meningkat daripada 51,600 tan (1913) kepada 77,000 tan (1937).
- b. Pada tahun 1897 H.N Riedley berjaya memperkenalkan satu cara penorehan saintifik iaitu sistem "tulang ikan herring atau ibedem". Cara ini dapat mengeluarkan susu getah yang banyak dan berterusan tanpa merosakkan pokok getah. Riedley juga telah memperkenalkan satu cara yang selamat untuk mengangkut anak benih getah iaitu dengan membungkus dalam arang batu yang lembab. Cara pengangkutan ini membolehkan anak benih getah dihantar ke kawasan yang lebih jauh. Ia dapat membantu pembukaan ladang-ladang getah yang baru.

## **6. Undang-undang tanah.**

- a. Bagi memantapkan industri perlombongan di Tanah Melayu, kerajaan telah menubuhkan Kanun Galian pada tahun 1896. Semua hal-ehwal perlombongan telah diletakkan di bawah dua orang penguasa Galian Persekutuan dan dibantu oleh beberapa Merinyu Galian. Kerajaan juga telah bertindak dengan menyatukan Jabatan Tanah dan Galian pada tahun 1890 bagi membolehkan pemajakan tanah yang sempurna dijalankan. Untuk itu, Enakmen Galian telah diperkenalkan pada tahun 1933 bagi mengawal semua aspek galian di Tanah Melayu khususnya bijih timah.
- b. Pada tahun 1897, cukai tanah yang rendah iaitu sebanyak 10 sen dikenakan ke atas tanah yang berukuran seekar untuk 10 tahun pertama ditanam dengan getah. Selepas 10 tahun, cukai-cukai ini dinaikkan menjadi 50 sen seekar. Duti sebanyak 2.5% dikenakan ke atas getah bagi 15 tahun yang pertama. Selepas 15 tahun duti ini dinaikkan kepada 5%. Sesiapa yang membuka tanah untuk penanaman getah akan diberikan hak milik yang kekal. Akibatnya ramai pelabur melibatkan diri dalam kegiatan penanaman getah di Tanah Melayu.

## **7. Penglibatan pelabur Eropah.**

- a. Pengenalan Sistem Residen khususnya di negeri Perak, Selangor, Sungai Ujong dan Pahang secara langsungnya telah berjaya mewujudkan suatu suasana politik yang stabil. Keadaan ini telah menarik minat para pelabur asing dan tempatan untuk melabur dalam industri perlombongan bijih timah di Tanah Melayu. Beberapa syarikat gergasi Eropah seperti Syarikat Australian Malayan Tin Berhad, Societe des Mines D'Etain dan Gopeng Consoliated Tin Company telah datang membuat pelaburan dengan banyaknya dalam industri ini.

- b. Penglibatan firma Eropah telah memajukan perusahaan getah di Tanah Melayu. Kekuatan modal mereka membolehkan lebih banyak ladang getah dibuka. Pada tahun 1910, sebanyak 142 buah ladang getah di Selangor. Antara firma Eropah tersebut ialah Harrison dan Crossfield, Sime Darby, Guthurie, Dunlop dan sebagainya.

#### **8. Permintaan dunia dan kenaikan harga di pasaran dunia.**

- a. Kesan daripada Revolusi Perindustrian di Eropah, permintaan dunia terhadap bijih timah telah meningkat dengan pesatnya. Oleh itu pengeluaran bijih timah perlu dipertingkatkan. Tambahan lagi bekalan timah dari lombong Cornwall di Britain telah kehabisan. Ekoran daripada keperluan dan permintaan yang tinggi ini, harga bijih timah telah melambung dengan pesatnya.
- b. Pada awal abad ke-20 permintaan terhadap getah meningkat akibat daripada Revolusi Industri di Eropah dan telah meningkatkan harga getah. Contohnya pada tahun 1890 harga getah \$1.30 sepaun telah meningkat kepada \$2.50 sepaun pada tahun 1906. Harga getah tertinggi pernah dicapai ialah \$5.50 sepaun pada tahun 1910. Keadaan ini telah menggalakkan pelabur Eropah dan Cina menanam getah secara ladang. Kejatuhan harga kopi antara tahun 1896 - 1900 akibat pengeluaran berlebihan dan serangan penyakit menyebabkan peladang-peladang beralih kepada tanaman getah.

#### **C. KESIMPULAN**

1. Ternyata banyak faktor kedatangan golongan imigran Cina dan India merupakan faktor utama perkembangan bijih timah dan getah di Tanah Melayu sehingga awal abad ke-20.
2. Namun begitu, faktor-faktor lain juga turut membantu perkembangan bijih timah dan getah di Tanah Melayu khususnya selepas campur tangan British pada tahun 1874. Perak, Selangor dan Sungai Ujong adalah merupakan tiga negeri utama yang terlibat secara langsung.
3. Walaupun berlaku zaman kemelesetan, perusahaan bijih timah dan getah masih kekal sebagai perusahaan terpenting di Tanah Melayu.

## **SOALAN 5:**

**Bincangkan kesan-kesan pendudukan Jepun di Tanah Melayu dari tahun 1941-1945.**

### **A. PENGENALAN.**

1. Jepun menyerang Tanah Melayu pada 8hb. Disember 1941. Pada 15hb. Februari 1942, Tanah Melayu dan Singapura jatuh kepada pemerintahan Jepun.
2. Pendudukan Jepun di Tanah Melayu selama kira-kira 3 1/2 tahun telah meninggalkan kesan-kesan politik, ekonomi dan sosial penting.

### **B. ISI.**

#### **i. Kesan-Kesan Politik**

1. Pendudukan Jepun mengakibatkan kesedaran politik yang lebih mendalam dalam kalangan penduduk di Tanah Melayu, khususnya kepada orang Melayu.
2. Penderitaan yang dialami dan propaganda Jepun seperti “Asia untuk orang-orang Asia” menambahkan keazaman orang-orang Melayu mencapai kebebasan politik dan kemerdekaan.
3. Orang Melayu mendapat pengalaman pentadbiran semasa pendudukan Jepun. Pengalaman memegang jawatan-jawatan kanan seperti Pegawai Daerah telah memberi keyakinan diri yang lebih tegas. Orang-orang Melayu sedar bahawa mereka mempunyai keupayaan memerintah Tanah Melayu sendiri.
4. Pendudukan Jepun juga memberi kesedaran bahawa orang Melayu tidak boleh berharap sepenuhnya kepada British. Mereka harus menentukan nasib sendiri.
5. Langkah Jepun menyerahkan Kebah, Perlis, Kelantan dan Terengganu kepada negeri Thai telah dalam tahun 1943 juga membangkitkan semangat nasionalisme Melayu.
6. Permusuhan antara orang-orang Melayu dan Cina yang wujud akibat daripada Pendudukan Jepun juga membangkitkan semangat nasionalisme Melayu. Orang Melayu sedar mengenai kepentingan menjaga hak-hak istimewa mereka sebagai bumiputra.
7. Pihak Jepun telah menggalakkan pergerakan nasionalisme Melayu. Kekuatan Rakyat Istimewa (KRIS) yang bertujuan mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu telah ditubuhkan dalam tahun 1945 di bawah pimpinan Ibrahim bin Yaacob.
8. Pendudukan Jepun telah menamatkan kepercayaan bahawa British tidak boleh dikalahkan. Sikap anti-penjajahan dalam kalangan orang Melayu telah berkembang.
9. Pendudukan Jepun juga mengakibatkan orang-orang Cina dan India bertambah kukuh dengan perasaan kecinaan dankeindiaan mereka.

10. Pihak Jepun telah menggalakkan orang-orang India menumpukan perhatian kepada perjuangan pembebasan India daripada pemerintahan British. Satu pasukan yang bernama Tentera Kebangsaan India buangan bernama Azad Hind telah ditubuhkan di Singapura di bawah pimpinan Subhas Chandra Bose.
11. Polisi Jepun yang menggalakkan orang India menumpukan perhatian kepada perjuangan pembebasan India menyulitkan proses mewujudkan semangat kenegaraan (nation building) di Malaysia.
12. Pendudukan Jepun membolehkan Parti Komunis Malaya (PKM) di Tanah Melayu muncul sebagai golongan politik yang teratur dan sangat kuat di antara tahun-tahun 1945 - 1948. Kezaliman Jepun membolehkan Parti Komunis Malaya mendapat sokongan terutamanya dari orang Cina. PKM telah menubuhkan Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya (MPAJA). Hampir kesemua ahli-ahli MPAJA terdiri daripada orang-orang Cina.
13. MPAJA telah diberi senjata oleh British untuk menentang Jepun di Tanah Melayu. Senjata-senjata dan pengalaman dalam peperangan gerila di hutan yang diperolehi oleh MPAJA semasa Pendudukan Jepun membolehkan PKM melancarkan pemberontakan bersenjata dalam bulan Jun 1948 dengan tujuan menubuhkan sebuah Republik Komunis.

## **ii. Kesan-Kesan Ekonomi**

1. Ekonomi dan taraf kehidupan pendudukan Tanah Melayu merosot.
2. Perusahaan bijih timah dan getah terbantut. Masalah ini timbul kerana pihak British telah memusnahkan peralatan perlombongan bijih timah dan loji-loji memproses getah seberlum berundur ke Singapura untuk mengelakkan ianya jatuh ke tangan Jepun. Malahan Tanah Melayu juga terputus daripada pasaran-pasaran eksport yang biasa akibat peperangan.
3. Pihak Jepun telah menitikberatkan eksploitasi bahan-bahan yang berkurangan di negeri Jepun seperti besi dan bauksit.
4. Tanah Melayu mengalami kekurangan segala jenis barang pengguna terutamanya tekstil. Makanan seperti beras juga berkurangan kerana sukar diimport. Penduduk Tanah Melayu terpaksa bergantung kepada makanan lain seperti ubi kayu dan keledek.
5. Pengedaran wang kertas yang tidak terkawal dan kekurangan makanan dan barang pengguna menyebabkan inflasi di Tanah Melayu.
6. Pihak Jepun tidak mengendalikan infrastruktur dengan baik.
7. Penduduk Tanah Melayu memulakan beberapa perusahaan tempatan memandangkan banyak barang tidak dapat diimport.

### **iii. Kesan-Kesan Sosial**

1. Penduduk Tanah Melayu terutamanya orang Cina menderita akibat kezaliman dan seksaan Jepun. Tentera polis Jepun iaitu Kempeitai sangat kejam dan telah membunuh ramai orang-orang yang anti-Jepun.
2. Orang Cina mengalami seksaan yang paling teruk di tangan Jepun oleh kerana ketika itu Jepun bermusuhan dengan Negara China.
3. Beribu-ribu orang terutamanya orang India telah dihantar untuk membina Jalan Keretapi Maut di antara Negara Thai dan Burma. Beratus-ratus orang terkorban dalam pembinaan jalan keretapi tersebut.
4. Tanah Melayu mengalami masalah kekurangan makanan terutamanya beras kerana ianya sukar diimport dari negeri-negeri lain akibat peperangan.
5. Taraf kesihatan penduduk Tanah Melayu merosot. Penyakit-penyakit seperti beriberi dan malaria berleluasa. Ini kerana ubat-ubatan telah dirampas oleh Jepun bagi merawat askar-askarnya.
6. Ramai penduduk Tanah Melayu terutamanya orang Cina melarikan diri ke pinggir-pinggir hutan untuk mengelak dari seksaan Jepun dan menanam makanan sendiri. Ini merupakan permulaan masalah setinggian yang wujud di Tanah Melayu dalam tahun-tahun selepas Perang Dunia Kedua.
7. Pendudukan Jepun telah mengakibatkan permusuhan antara orang-orang Melayu dan Cina. Layanan Jepun yang lebih baik terhadap orang Melayu mengakibatkan kemarahan dalam kalangan orang-orang Cina. Malahan pemerintahan Jepun telah mengambil orang-orang Melayu untuk menjadi askar dan polis. Sebahagian daripada pasukan Jepun yang menyerang tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya (Pertubuhan Komunis yang dikuasai oleh orang Cina) terdiri daripada orang Melayu. Ini mengukuhkan lagi permusuhan perkauman Melayu-Cina.
8. Beberapa pertempuran perkauman yang kecil antara Melayu dengan Cina berlaku selepas Jepun menyerah kalah pada 15hb. Ogos 1945.
9. Sistem pendidikan Jepun yang lebih menekankan latihan akhlak/watak daripada akademik telah mengukuhkan tatatertib dan menanam sifat kerajinan dalam kalangan pemuda-pemuda terutamanya Melayu.

### **C. KESIMPULAN**

1. Pendudukan Jepun merupakan satu zaman penting dalam sejarah Tanah Melayu. Pendudukan Jepun bukan sahaja membangkitkan kesedaran politik dalam kalangan penduduk Tanah Melayu tetapi juga mengukuhkan perasaan perkauman.
2. Pada keseluruhannya, pendudukan Jepun telah mengubah keadaan politik, ekonomi dan sosial Tanah Melayu sebelum perang dengan begitu radikal sehingga British terpaksa merombak dasarnya selepas perang. Suasana ini telah mempercepatkan proses pencapaian kemerdekaan Tanah Melayu.

## **SOALAN 6:**

**Jelaskan penglibatan Malaysia dalam Persatuan Asia Tenggara (ASA), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Komanwel selepas tahun 1957.**

### **A. PENGENALAN**

1. Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan Tunku Abdul Rahman telah menjalinkan hubungan persahabatan dan kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan dunia seperti pembentukan Persatuan Asia Tenggara (ASA), menganggotai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Komanwel .
2. Sejak merdeka, dasar luar Malaysia adalah pro Barat, pro Komanwel dan anti-komunis. Dasar luar negara bertujuan mempertahankan kedaulatan, kemerdekaan negara dan menentukan kesejahteraan sosio-ekonomi.

### **B. ISI**

#### **I. Pertubuhan Asia Tenggara (ASA)**

- a. Pada akhir tahun 1958, Tunku Abdul Rahman telah membayangkan hasrat untuk menubuhkan satu pertubuhan serantau di Asia Tenggara. Pada bulan Januari 1959, beliau telah menghasilkan pembentukan satu pertubuhan serantau bersama Presiden Filipina, Carlos Garcia.
- b. Akhirnya pada 31 Julai 1961, Filipina, Malaysia dan Thailand bersetuju menubuhkan Persatuan Asia Tenggara (ASA). ASA merupakan pertubuhan serantau pertama yang digerakkan oleh negara-negara Asia Tenggara sendiri.
- c. Matlamat ASA ialah menggalakkan kerjasama ekonomi, kebudayaan dan sosial serta mewujudkan keamanan dan keselamatan serantau. ASA telah berjaya mewujudkan keseragaman pendirian negara anggotanya dalam menghadapi isu-isu kepentingan bersama di peringkat antarabangsa.

#### **II. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).**

- a. Tanah Melayu telah diiktiraf sebagai negara berdaulat pada peringkat antarabangsa berikutan diterima menjadi ahli PBB pada 17 September 1957. Pada tahun 1959, Malaysia bersama-sama Ireland telah mengemukakan usul kepada Persidangan Agung PBB untuk mengecam Republik Rakyat China di atas tindakannya menakluk Tibet.
- b. Pada bulan Oktober 1961, Malaysia telah menghantar pasukan tentera menyertai pasukan pendamai PBB di Congo (Republik Zaire) untuk mengekalkan keamanan dan mendamaikan perang saudara (1960-1963) .
- c. Malaysia telah membekalkan sebanyak \$ 30 juta untuk membantu PBB menyelesaikan krisis perang saudara di Congo. Malaysia juga telah membeli bon sebanyak \$ 600 juta yang dikeluarkan oleh PBB untuk menyelesaikan kewangan yang

dihadapi PBB. Selain memberi bantuan, Malaysia turut mendapat bantuan daripada agensi PBB seperti Bank Dunia, UNESCO, WHO, FAO dan ILO.

### **III. Pertubuhan Negara-Negara Bekas Tanah Jajahan British (KOMANWEL)**

- a. Malaysia menganggotai Pertubuhan Negara-Negara Bekas Tanah Jajahan British (Komanwel) selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Malaysia sangat bergantung kepada bantuan Britain dalam soal pertahanan dan keselamatan. Perjanjian Pertahanan Britain- Tanah Melayu membolehkan bantuan tentera kepada Tanah Melayu dalam membanteras ancaman komunis dan ancaman luar. Sebagai negara anggota, barangan eksport Tanah Melayu ke Britain dan negara-negara anggota lain dikenakan kadar cukai yang rendah.
- b. Malaysia memainkan peranan penting dalam Rancangan Colombo sebagai negara penerima dan penderma. Sumbangan negara kita adalah dalam bentuk hadiah, latihan dan biasiswa dalam bidang penyelidikan getah serta pengajian Sejarah dan Bahasa Melayu kepada Negara-negara Komanwel yang lain.
- c. Malaysia telah mengecam dasar Apartheid sejak tahun 1958. Tunku Abdul Rahman telah menentang dasar tersebut dan mencadangkan supaya melancarkan sekatan ekonomi terhadap kerajaan Afrika Selatan tetapi tidak begitu berkesan kerana Britain tidak menyokongnya. Walaubagaimana pun, sekatan tersebut menyebabkan Afrika Selatan meninggalkan Komanwel pada tahun 1961.

### **C. KESIMPULAN**

1. Sebagai kesimpulan, dasar luar Malaysia berubah mengikut keadaan yang wujud di rantau Asia Tenggara, Malaysia telah membuktikan usaha yang paling ulung ke atas pakatan kerjasama serantau dengan tertubuhnya ASA.
2. Dalam arena antarabangsa Malaysia juga memainkan peranan yang aktif dan membanggakan.



## **SOALAN 7:**

**Bincangkan adat-adat yang diamalkan oleh masyarakat tempatan di India dan Siam sebelum kedatangan kuasa-kuasa Barat.**

### **A. PENGENALAN**

1. Sebelum kedatangan Barat pada abad ke-19, masyarakat tempatan di India dan Siam telah mengamalkan pelbagai jenis adat .
2. Adat merupakan peraturan yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat secara turun temurun sehingga dianggap sebagai hukum yang harus dipatuhi
3. Di India, adat-adat yang diamalkan lebih berkait rapat dengan agama Hindu seperti adat Suttee, adat Thuggee, menindik hidung dan lain-lain Di Siam pula, antara adat-adat yang diamalkan adalah adat-adat mengadap raja, adat tidak dibenarkan melihat wajah raja, adat menjual isteri dan anak serta adat memakai kain panong.
4. Tujuan adat-adat ini diamalkan adalah untuk menjamin keharmonian, kesejahteraan dan keamanan dalam masyarakat India dan Siam.

### **B. ISI**

#### **I. Adat-adat di India**

##### **i. Adat Suttee**

- a. Adat ini diamalkan di India melibatkan pembakaran balu-baluk beragama Hindu dalam upacara pembakaran mayat suami mereka. Ianya diamalkan apabila seseorang isteri kematian suami.
- b. Ini merupakan adat untuk menunjukkan pengorbanan balu-baluk dan membuktikan kesetiaan seseorang isteri terhadap suaminya. Mereka juga yakin dengan tindakan ini, mereka akan dihidupkan kembali bersama di syurga.

##### **ii. Adat Thuggee**

- a. Adat ini merupakan amalan merompak dan membunuh di jalan-jalan raya. Adat ini diamalkan oleh kumpulan agama yang bersenjata dan menyamar diri bertindak atas Dewi Kali dengan bertindak merampas harta dan membunuh pedagang-pedagang atau pengembara dan harta tersebut dibahagikan kepada golongan miskin.
- b. Mereka terdiri daripada golongan Thug yang mengganas di kawasan luar Bandar dan wilayah-wilayah Timur Laut India.

### **iii. Adat Dowri**

- a. Adat dowry yang diamalkan oleh masyarakat di India ialah pihak perempuan perlu membayar wang hantaran kepada pihak pengantin lelaki.
- b. Adat ini memperlihatkan taraf kemuliaan orang lelaki berbanding dengan wanita dalam masyarakat India. Bagi masyarakat India memperolehi anak lelaki akan menjadi kebanggaan mereka berbanding anak perempuan.
- c. Mereka juga tidak menyukai kelahiran anak perempuan dan sesetengah daripada mereka membunuh bayi tersebut untuk mengelakkan penderitaan seperti memberi dowry apabila anak perempuan mereka akan berkahwin

### **iv. Adat menindik hidung**

- a. Dalam adat ini, perempuan India memakai subang di hidung mereka yang dikenali sebagai mukutti.
- b. Gadis-gadis yang ditindik hidung dan memakai barang kemas akan menampilkan kelembutan, keayuan dan kejelitannya. Ada juga yang berpendapat cara ini dapat mengimbangkan suhu badan yang membawa kebaikan kepada mereka.

### **v. Adat perempuan mengandung**

- a. Wanita India yang hamil mesti menjaga dirinya agar tidak melanggar pantang larang semasa hamil kerana tindakan tersebut akan mempengaruhi anak dalam kandungannya. Siibu tidak boleh melakukan perbuatan yang tidak baik seperti mengumpat, bergaduh, menghadiri majlis-majlis social dan sebagainya.
- b. Tujuannya untuk melindungi ibu dan anaknya daripada dipengaruhi oleh kuasa jahat.

### **vi. Adat mencecah manisan dan lumur minyak bijan**

- a. Adat ini dipengaruhi ajaran agama Hindu. Biasanya bayi yang baru lahir akan dicecah madu dan minyak sapi ke bibirnya yang dilakukan oleh golongan Brahmin.
- b. Bayi juga dilumur seluruh tubuhnya dengan minyak bijan supaya lebih bersemangat dan mempunyai masa depan yang lebih baik.

### **vii. Adat meletak tanda pada dahi (pottu)**

- a. *Pottu* merupakan satu tanda berbentuk bulat pada dahi. *Pottu* juga dikenali sebagai *taligam*

- b. *Pottu* dianggap sebagai warisan bagi kaum wanita India tetapi ada juga kaum lelaki yang memakai *pottu* merah atau cendana.

## **II. Adat-adat di Siam**

### **i. Adat mengadap raja**

- a. Raja dianggap mempunyai unsur ketuhanan yang berkedudukan paling mulia dan suci.
- b. Sebagai tanda penghormatan, rakyat perlu menyembah raja dengan cara merangkak masuk dan meniarap ketika mengadap raja.
- c. Golongan khunnang (pembesar daerah) tidak dibenarkan memakai baju ketika mengadap raja.

### **ii. Adat tidak boleh melihat wajah raja**

- a. Adat ini perlu dipatuhi oleh rakyat sekiranya ada perarakan diraja yang mana rakyat tidak boleh melihat wajah raja. Mereka perlu bersembunyi dan sesiapa yang melanggar adat ini akan buta mata mereka atau dibutakan oleh askar raja.

### **iii. Adat menjual anak dan isteri**

- a. Adat ini merupakan adat yang unik di Siam kerana menurut adat ini bapa mempunyai hak mutlak terhadap isteri dan anak-anak mereka dan dianggap sebagai simbol kekayaan yang dimilikinya.. Anak dan isteri ini akan dijual sebagai hamba.

### **iv. Adat memakai kain panong**

- a. Adat memakai kain panong merupakan pakaian beradat yang mendapat pengaruh dari India.
- b. Pakaian ini menyerupai cara memakai dhoti di India dan ianya dipakai oleh lelaki dan wanita Siam.

### **C. KESIMPULAN**

1. Sebagai kesimpulan kita dapati, adat-adat yang diamalkan oleh masyarakat di India dan Siam mula berubah selepas kedatangan Barat
2. Di India beberapa adat telah dihapuskan oleh British seperti adat suttee dan adat thuggee. Keadaan ini telah menimbulkan rasa tidak puashati masyarakat Hindu yang membawa kepada tercetusnya Dahagi India 1857-1858.
3. Di Siam pula, adat-adat yang berkaitan dengan raja telah diubahsuai oleh raja Mongkut atau Rama IV iaitu adat mengadap raja dan rakyat dibenarkan melihat wajah raja.

## SOALAN 8:

**Bincangkan dasar pemencilan (isolasi) yang diamalkan di China dan Vietnam sehingga pertengahan abad ke-19.**

### A. PENGENALAN

1. Dasar isolasi merujuk kepada pendirian sesebuah negara yang tidak membenarkan campur tangan dan kemasukan pengaruh luar khusus negara-negara Barat ke negara mereka.
2. Tujuan dasar ini diamalkan adalah untuk mengelakkan campur tangan kuasa asing dalam sistem politik, ekonomi, dan sosial. Antara negara di Asia yang mengamalkan dasar ini pada abad ke-19 ialah China dan Vietnam.

### B. ISI

#### I. Dasar Pemencilan (Isolasi) China

##### Faktor-faktor China mengamalkan dasar pemencilan

- i. Pemerintahan China merasakan bahawa hubungan dengan luar tidak diperlukan sebab segala keperluan mereka dapat diperoleh dari dalam negara mereka sendiri. Mereka tidak memerlukan barangan dari luar sebab sumber barangan sama ada makanan atau keperluan seharian dapat diperoleh dengan mudah. Sistem ekonomi sara diri yang diamalkan menyebabkan keperluan terhadap barangan dari luar sangat kecil. Keadaan ini, sebaliknya terhadap kuasa luar yang sangat memerlukan barangan negara China terutamanya tembikar, teh, sutera dan sebagainya.
- ii. Dasar negara ini juga sangat berkait rapat dengan rasa kebimbangan yang dialami bahawa
- iii. pihak luar terutamanya kuasa Barat akan campur tangan dalam politik tempatan.
- iv. Mereka juga bimbang, budaya dan agama tempatan akan terjejas apabila pihak Barat campur tangan. Agama Kristian yang dibawa oleh Barat akan menyebabkan agama tradisi yang dianuti sejak sekian lama menerima ancaman.
- v. Bagi negara China, mereka beranggapan bahawa Barat adalah tidak setanding dengan mereka yang dikenali "The Middle Kingdom". Oleh itu, hubungan sama taraf tidak boleh dilakukan kerana ia akan menjatuhkan kedudukan Middle Kingdom tersebut
- vi. Sehingga abad ke-18, negara China masih lagi menjalankan hubungan baik dengan kuasa-kuasa Barat sebagai Barbarian dan dalam masa yang sama pemimpin-pemimpin negara China masih lagi melihat keagungan silam mereka
- vii. Dalam sejarah negara China, dasar pemencilan dan pintu terbuka sering mendominasi hubungannya dengan kuasa luar. Misalnya, sebelum negara China menutup pintunya pada abad ke-19, negara China telah menjalankan dasar pintu terbuka. Dasar pintu terbuka ini telah dilaksanakan sejak abad ke-16 lagi.

- viii. Walau bagaimanapun, China kemudiannya mengetatkan hubungan tersebut terutamanya sekitar abad ke-18 dan awal abad ke-19. Negara China sebenarnya tidak dapat lari daripada perhatian kuasa Barat sejak abad ke-16, iaitu permulaan period pelayaran dan penjelajahan mereka. Malah, sebelum kehadiran kuasa Barat ke negara China, barangan dan negara China telah terlebih awal menguasai Barat.
- ix. Portugis, Sepanyol dan Belanda merupakan kuasa Barat pertama membuat hubungan dengan negara China sepanjang period abad ke-16 hingga abad ke-18.

### **Hubungan dan peraturan perdagangan**

- i. Selain hubungan dagang, negara China juga membenarkan mubaligh Kristian memasuki negara China.
- ii. Namun sepanjang masa, kuasa barat sebenarnya hanya dibenarkan untuk bergerak di kawasan yang terhad di negara China. Hanya pelabuhan tertentu sahaja yang dibenarkan menerima kedatangan pedagang barat. Canton menjadi satu-satunya pelabuhan yang menerima delegasi dari negara-negara yang mengakui kewujudan kekuasaan negara China ke atas mereka.
- iii. Sistem perdagangan Canton bukan sahaja menggambarkan bahawa negara China menjalankan dasar isolasi tetapi juga memperlihatkan mentaliti negara China yang masih menganggap bahawa mereka masih lagi Middle Kongdom yang tidak memerlukan hubungan dan barangan dari negara luar. Sistem perdagangan Canton memperjelaskan bahawa segala aktiviti perdagangan akan dijalankan melalui satu dasar yang bersifat monopoli. Pihak kerajaan telah memberikan kuasa perdagangan kepada hanya 13 buah firma komersial yang dikenali sebagai Hong yang akan bertindak sebagai ejen jualan.
- iv. Untuk mengukuhkan firma-firma ini, maka sebuah pertubuhan pedagang yang dikenali sebagai Co-Hong telah ditubuhkan dan menjalankan aktiviti mereka berdasarkan 13 perkara tentang harga barangan dan sebagainya yang berkaitan dengan perdagangan.
- v. Pedagang-pedagang juga terikat kepada beberapa peraturan yang telah ditetapkan. Antara peraturan tersebut adalah seperti berikut:
  - a. Kapal-kapal perang dilarang memasuki pelabuhan
  - b. Kaum wanita dan senjata tidak dibenarkan dibawa masuk ke kawasan gudang di pelabuhan
  - c. Kesemua anak kapal hendaklah mendaftar diri di Macao
  - d. Gudang-gudang asing hanya dibenarkan mempunyai lebih daripada 8 pekerja China
  - e. Orang asing tidak dibenarkan membuat sebarang bentuk hubungan dengan pegawai-pegawai China kecuali melalui Co-hong

- f. Orang asing tidak dibenarkan bebas keluar dari kawasan yang ditetapkan
  - g. Orang asing tidak dibenarkan menaiki kapal yang mempunyai bendera dan bot yang tertutup
  - h. Orang asing tidak dibenarkan kekal di Canton selepas musim perdagangan berakhir
  - i. Kapal-kapal asing hanya dibenarkan berlabuh di Whampoa
  - j. Orang asing tidak dibenarkan membeli buku-buku ataupun mempelajari bahasa Cina
- vi. Kesemua peraturan ini amat ketat dilaksanakan oleh negara China. Selain itu kuasa Barat juga dikehendaki mematuhi peraturan dan undang-undang negara China yang dilihat oleh Barat sebagai undang-undang yang berbeza dengan undang-undang mereka dan bersifat kejam
  - vii. Namun desakan dari Barat yang semakin meluas serta kekalahan mereka dalam peperangan telah menyebabkan mereka terpaksa mengamalkan dasar pintu terbuka kepada kuasa-kuasa luar. Ini bermakna dasar pintu terbuka yang diamalkan oleh negara China bukanlah satu dasar yang sengaja dibuat oleh kerajaan, sebaliknya kesan daripada kekalahan yang dialaminya dalam beberapa peperangan bermula sekitar pertengahan abad ke-19.

## **II. Dasar Pemencilan di Vietnam**

### **Zaman Maharaja Gia Long (1802-1820)**

- i. Sebagaimana pemerintah di negara-negara Asia Tenggara yang lain, Gia Long juga mengamalkan dasar pemencilan sepanjang pemerintahannya. Baginda amat bimbang akan keselamatan dan kedaulatan negara sekiranya dibuka kepada kuasa Barat.
- ii. Namun baginda terpaksa akur dan bertolak ansur dengan memberi kebenaran dan kebebasan kepada Perancis khususnya kepada mubaligh-mubaligh Kristian di Vietnam. Tindakan ini adalah disebabkan sebagai membalas jasa seorang paderi bernama Pigneau de Behaine yang membantu baginda sehingga menaiki takhta

### **Zaman Maharaja Minh Mang (1820-1840)**

- i. Baginda menaiki takhta bagi menggantikan Maharaja Gia Long. Baginda bersikap anti Barat dan tetap meneruskan dasar isolasi yang diamalkan sebelumnya. Fahaman Confucianisme yang dipegangnya menyebabkan baginda amat memusuhi penganut dan penyebar agama Kristian.
- ii. Beberapa percubaan telah dibuat oleh Barat untuk mendapatkan kemudahan perdagangan di Vietnam, tetapi kesemuanya menemui kegagalan. Lebih malang lagi pada tahun 1825 baginda telah mengeluarkan dekri yang melarang kemasukan mubaligh Kristian. Baginda juga telah bertindak agresif dengan merobohkan gereja-gereja dan menindas kejam penganut agama Kristian.

- iii. Tindakan agresif baginda telah menimbulkan kemarahan pihak berkuasa Perancis. Menyedari hakikat itu satu utusan telah dihantar ke Perancis untuk meredakan keadaan. Namun Raja Perancis, Louis Phillippe enggan menerima utusan tersebut kerana layanan buruk maharaja Vietnam terhadap mubaligh Kristian.

#### **Zaman Maharaja Thein Tri (1841-1847)**

- i. Menaiki takhta sewaktu negara berada dalam suasana tegang, namun baginda masih tetap meneruskan dasar isolasi sewaktu pemerintahannya.
- ii. Baginda bersikap anti Barat, malah amat memusuhi agama Kristian yang dianggap bertentangan dengan pegangan ajaran Confucianisme. Oleh sebab itulah baginda bertindak zalim terhadap mubaligh Kristian.
- iii. Pada tahun 1843, pihak berkuasa Perancis telah mengutus Kapten Levegau ke Tourane untuk mendapatkan pembebasan lima orang mubaligh Kristian yang ditangkap. Rundingan tersebut berjaya dan akhirnya mubaligh Perancis dibebaskan. Bagaimanapun tindakan Perancis mengepung bandar Tourane atas alasan untuk melindungi keselamatan mubaligh telah menimbulkan kemarahan pihak berkuasa Vietnam.

#### **Zaman Maharaja Tu Duc (1848-1883)**

- i. Meneruskan pemerintahan dengan dasar pemencilannya yang amat membenci Barat. Enggan mengadakan sebarang hubungan persahabatan dengan Barat malah memusuhi Kristian. Buktinya orang Perancis iaitu Father Augustin Schoeffler dan Father Jean Louis Bonnard dijatuhi hukuman bunuh.
- ii. Pada tahun 1857, baginda telah mengarahkan hukuman bunuh ke atas Biskop Diaz di Tongking kerana disyaki membantu pemberontak.
- iii. Implikasinya Perancis amat marah dan menjadikan peristiwa itu sebagai alasan untuk menyerang Vietnam. Akibatnya pada tahun 1858 Perancis menjalankan serangan dan berjaya menduduki Taurane. Kejayaan tersebut menandakan berakhirnya dasar pemencilan Vietnam.

### **C. KESIMPULAN**

1. Kekalahan China dalam Perang Candu I telah menamatkan dasar pemencilan yang diamalkan sejak pertengahan abad ke-18. Kekalahan ini bukan sahaja merugikan China malah telah menjatuhkan maruah negara China sebagai Middle Kingdom. Selepas perjanjian Nanking, China terpaksa menandatangani beberapa perjanjian dengan kuasa barat yang lain seperti Perjanjian Wang Hsia dengan Amerika Syarikat dan perjanjian Whampoa dengan Perancis.
2. Manakala Vietnam pula, perjanjian yang dimeterai pada tahun 1862 dengan Perancis telah secara langsungnya mengubah dasar pemencilannya, malah Vietnam juga telah hilang kemerdekaannya.



## SOALAN 9:

**Bandungkan pembaharuan Maharaja Meiji di Jepun dan pembaharuan British di Myanmar sehingga awal abad ke-20.**

### A. PENGENALAN

1. Permodenan Meiji dilaksanakan setelah berlaku pemulihan kuasa Maharaja Matsuhito dan kemunculan tokoh muda Jepun dalam kalangan suku-suku Barat seperti Hizen, Tozama, Chosu dan Satsuma telah membentuk pemerintahan Meiji yang kemas dan tersusun. Permodenan ini melaksanakan beberapa aspek yang membolehkan Jepun muncul sebagai satu kuasa tentera dan ekonomi yang hebat di Asia.
2. British di Myanmar telah memperkenalkan pelbagai dasar yang mengakibatkan berlakunya perubahan politik, ekonomi dan sosial sama ada secara langsung atau tidak.

### B. ISI

#### I. Pembaharuan Meiji di Jepun ( 10 Markah )

#### Bidang Politik

- i. Maharaja telah menggalakkan penubuhan parti politik, di antara tokoh popular ialah Itagaki yang bertanggungjawab melaksanakan pemodenan ialah Maharaja Meiji. Parti politik pertama ialah Parti Liberal Jiyuto yang berusaha membentuk kerajaan berpelembagaan Jepun.
- ii. Jepun ditadbir oleh badan pentadbir dan perundangan dengan penubuhan Parlimen Jepun dan pembentukan perlembagaan Jepun yang baru.
- iii. Ito Itagaki telah di hantar ke Eropah untuk mengkaji perlembagaan Eropah sebagai panduan membentuk perlembagaan Jepun. Perlembagaan Jepun di bentuk berasaskan Perlembagaan Russia.
- iv. Maharaja telah membentuk kabinet Jepun bagi melicinkan pentadbiran. Maharaja akan dinasihat oleh sebuah badan dikenali sebagai Privy Council yang menjadi majlis tertinggi mentadbir Jepun.
- v. Bidang ketenteraan paling diutamakan dalam pembaharuan Meiji. Meiji telah memperkenalkan undang-undang kerahan tentera menyebabkan kerajaan berjaya membentuk satu pasukan tentera seramai 24,000 orang tentera.
- vi. Dalam pasukan tentera laut pula, pelajar Jepun telah di hantar ke England bagi mendapat teknologi pembinaan limbungan kapal. Hasilnya Jepun berjaya membina limbungan kapal untuk kapal tentera laut Jepun di Nagasaki dan Yokohama. Jepun berjaya membina kapal perang sebanyak 14 buah seberat 12,000 tan setiap satu. Usaha ini menyebabkan Jepun menjadi satu kuasa tentera terkuat di Timur.

- vii. Pelaksanakan satu dasar luar yang khas untuk mendapat kembali hak Jepun yang diambil oleh kuasa barat terutama penguasaan dan kawalan asing dalam perdagangan dan wilayah Jepun.
- viii. Jepun telah menghantar perwakilan ke Eropah diketuai oleh Iwakuma untuk berunding dengan negara Eropah. Beliau telah mengistiharkan kuasa barat bebas keluar masuk ke Jepun dan mereka selamat berada di Jepun dan mereka dikenakan cukai perdagangan yang rendah. Sebagai balasan kuasa barat sanggup menghapuskan perjanjian yang berat sebelah yang ditandatangani dengan Jepun terutama meughapus hak wilayah asing

### **Bidang Ekonomi**

- i. Tumpuan kepada pengenalan sistem mata wang mengganti sistem wang mas pada zaman Tokogawa dan telah rnenubuhkan sebuah bank pusat Jepun bagi menyelesaikan masalah kewangan untuk pembangunan Jepun.
- ii. Kerajaan Jepun telah menggalakkan penubuhan bank swasta bagi rnembiayai perdagangan dan mengawal kegiatan ekonomi.
- iii. Pengenalan ekonomi wang menyebabkan ekonomi Jepun berkembang dalam pelbagai bidang seperti pertanian, perdagangan dan perindustrian.
- iv. Kerajaan Meiji telah membina kilang besi keluli dan industri ringan. Bagi membantu golongan pedagang Jepun yang menghadapi masalah modal maka kerajaan telah menyelenggarakan semua industri baru pada tahap awal, apabila telah berkembang maka kerajaan telah menjual kepada pelabur Jepun. Kegiatan ini telah menyebabkan muncul golongan baru di Jepun dikenali sebagai golongan pengusaha (zaibatsu) yang bertanggungjawab memajukan ekonomi perindustrian Jepun antaranya Mitsui dan Mitshubishi.

### **Bidang Sosial**

- i. Perubahan yang ketara ialah bidang pelajaran, Jepun telah memiliki satu sistem pendidikan yang teratur, setiap tuan rumah feudal telah membina sekolah sendiri.
- ii. Pemerintah Jepun telah mewajibkan pendidikan peringkat rendah. Akibatnya seluruh Jepun mempunyai sistem pendidikan peringkat rendah.
- iii. Kesannya tetah muncul satu golongan terpelajar Jepun menyebabkan lahir pusat percetakan untuk menyediakan bahan bacaan dan rakyat Jepun telah menganggap pentingnya ilmu pengetahuan bagi memajukan dan memodenkan Jepun.
- iv. Bidang perhubungan juga diutamaknn oleh pemerintah Jepun. Antara sistem perhubungan yang dibina ialah telegraf, telefon, sistem pos dan landasan kereta api. Sistem perhubungan penting agar semua maklumat dapat disampaikan kepada seluruh rakyat Jepun dengan cepat dan pantas.

## II. Myanmar (10 markah)

### Politik

- i. Perubahan dilakukan dalam sistem pentadbiran tempatan. Kuasa di peringkat tempatan tidak lagi kepada individu tertentu tetapi kepada kerajaan British. Ketua Kampung akan bertanggungjawab secara langsung kepada pegawai daerah yang diwujudkan oleh pihak British.
- ii. Di peringkat pusat, pentadbiran diketuai oleh Leftenan Gabenor. Sebuah majlis diwujudkan iaitu Majlis Perundangau yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan ahli-ahli dipilih untuk membantu Leftenan Gabenor.
- iii. Pada tahun 1937, Burma dipisahkan dari pentadbiran India dan mempunyai pentadbirannya sendiri.
- iv. Perlembagaan ini memperuntukkan dua buah dewan iaitu Dewan Senat dan Dewan Perwakilan. Separuh dari ahli Senat dipilih oleh Gabenor dan ahli Dewan Perwakilan dipilih sepenuhnya oleh penduduk Burma.

### Ekonomi

- i. Pada asasnya Burma tidak berminat berdagang dengan negara-negara luar kerana mampu menyediakan segala keperluannya sendiri. Kehidupannya berasaskan ekonomi pertanian sara diri dan menghasilkan keperluan sendiri.
- ii. Senario ini berubah pada tahun 1941 apabila Burma turut teriibat dalam sistem perdagangan dan pasaran dunia.
- iii. Aktiviti-aktiviti utama ekonomi :
  - a. **Beras**
    1. Burma menjadi pengeksport beras terbesar dunia dengan menyediakan 40% dari jumlah bekalan beras dunia.
    2. Arakan dan Tennaserim berkembang pesat sebagai kawasan penanaman padi. Di Tennaserim pengeluaran berjumlah sebanyak 50 % daripada keseluruhan pengeluaran Burma antara tahun 1845-1852.
    3. Burma Hilir mempunyai potensi sebagai kawasan penanaman padi kerana faktor tanahnya yang sesuai dan bekalan air yang banyak
    4. British juga telah mengambil beberapa langkah penting seperti memberi tanah percuma kepada petani-petani dan pinjaman kerajaan sebagai modal.
    5. Walau bagaimanapun pinjaman yang tidak mencukupi memaksa petani-petani meminjam wang dari cetiar. Selain itu petani juga terpaksa bersaing dengan orang

India yang sanggup menyewa tanah petani Burma dengan harga yang tinggi kerana kebiasaan hidup mereka yang menderita dengan cara penghidupan yang rendah. Akibatnya secara beransur-ansur sawah petani Burma terlepas ke tangan cetiar kerana kegagalan menjejaskan hutang mereka atau ke tangan petani-petani India kerana tertarik dengan kesanggupan petani India membayar sewa yang tinggi.

#### **b. Perlombongan**

1. British telah memajukan sektor perlombongan di Burma terutama di bahagian Hulu Burma. Burma Oil Company ditubuhkan di Rangoon pada tahun 1886 untuk menjalankan kegiatan perusahaan menggali minyak dan membeli pajakan kerajaan serta persendirian. Syarikat ini mampu mengeksport minyak ke India dan pada 1896 ke Pulau Pinang. Pengeluaran minyak telah bertambah dari 20 juta gellen tahun 1898 kepada 270 juta gellen pada tahun 1923.
2. Perlombongan perak dan emas hitam dijalankan di Namtu, Tungsten di Mawahi diikuti percubaan melombong permata tetapi pada ketika itu tidak berjaya.

#### **c. Pembalakan**

1. Kayu jati merupakan bahan eksport yang menduduki tangga kedua selepas minyak.
2. Pada 1856, Jabatan Perhutanan ditubuhkan di bawah seorang Ketua Pemelihara Hutan untuk memastikan pengurusan dan kegiatan mendapatkan sumber-sumber hutan dijalankan dengan sempurna.
3. Pengeluaran balak Myanmar menjelang tahun 1941 ialah 75% daripada pengeluaran dunia dan Syarikat Bombay-Burma Trading Corporation merupakan syarikat yang terbesar.
4. Hasil pengeluaran yang banyak ini telah membantu pula perkembangan perusahaan mengilang papan dan membina kapal.

### **Sosial**

- i. Pertambahan jumlah penduduk akibat perkembangan ekonomi di Burma Hilir. Ramai petani telah berpindah ke Burma Hilir untuk membuka kawasan penanaman padi. Pertambahan penduduk juga disebabkan kemasukan orang India dan Cina.
- ii. Ini mewujudkan masyarakat majmuk di mana pengenalan kaum adalah berdasarkan fungsi ekonomi. Orang India tertumpu di bandar dan bekerja sebagai buruh atau ceti, orang Cina menjalankan perniagaan dan perindustrian. Masyarakat tempatan hidup sengsara di kawasan luar bandar dan ramai petani yang kehilangan sawah mereka kerana tidak mampu menjelaskan hutang mereka.
- iii. Kebudayaan dan keagamaan Myanmar semakin merosot. Sistem pemerintahan British

menghapuskan peranan istana sebagai penaung kesusasteraan, seni serta agama Buddha. Ini menyebabkan agama Buddha dan susunan Sangha semakin merosot. Jawatan Thathanabaing tidak diisi langsung.

- iv. Kepentingan bahasa Burma merosot dan diganti dengan bahasa Inggeris.
- v. Penyebaran agama Kristian meluas sehingga ramai orang Burma menganut agama Kristian.
- vi. Bermulanya pengenalan sistem pendidikan barat. Ramai orang Burma telah menghantar anak mereka ke sekolah tersebut. British membina lebih banyak sekolah menengah aliran Inggeris dan pada 1920, Universiti Rangoon ditubuhkan. Sekolah-sekolah Teknikal dan Maktab Perguruan turut dibina.
- vii. Berlakunya kemerosotan peranan pendidikan tradisional sarni-sarni Buddha. Orang Burma lebih suka menghantar anak mereka ke sekolah kerajaan yang mengajar mata pelajaran Inggeris.
- viii. Perkembangan pendidikan barat telah melahirkan golongan intelektual Burma yang kemudiannya membekalkan pemimpin bagi gerakan nasionalisme Burma. Contohnya Persatuan Belia Buddha yang ditubuhkan oleh golongan peguam untuk memulihkan tradisi dan agama Buddha.

### **C. KESIMPULAN**

1. Hasil usaha yang dijalankan dalam masa pemerintahan Meiji, Jepun muncul sebagai sebuah negara maju, makmur, moden dan kuat. Tahun 1894 hingga 1895 berjaya menewaskan China dan tahun 1904-1905 berjaya, menundukkan Rusia. Inilah bukti Jepun memiliki kekuatan dalam segenap bidang.
2. Manakala di Myanmar walaupun banyak perubahan yang berlaku dinegaranya tetapi masyarakat pribumi tidak banyak berubah dan mengalami nasib yang sama iaitu miskin, tertindas dan ketinggalan. Golongan asing menikmati segala kemudahan yang disediakan. Namun demikian pengenalan pendidikan barat telah melahirkan golongan intelektual yang akan membawa negara ini ke arah kemerdekaan.

## **SOALAN 10:**

**Sejauh manakah kelemahan institusi beraja di China dan Thailand telah mencetuskan Revolusi China 1911 dan Revolusi Thai 1932.**

### **A. PENGENALAN**

1. Mulai awal abad ke-20, masyarakat tempatan di Negara China dan Siam telah mula menunjukkan keinginan untuk melakukan perubahan di Negara masing-masing yang membawa kepada teretusnya Revolusi China pada tahun 1911 dan Revolusi Siam 1932.
2. Revolusi China 1911 telah dilakukan oleh golongan revolusiner yang dipimpin oleh Dr Sun Yat Sen, Liang Chi Chao dan lain-lain. Revolusi ini dilancarkan bertujuan untuk menjatuhkan kerajaan beraja mutlak iaitu Dinasti Manchu dan menggantikannya dengan kerajaan republik.
3. Sementara Revolusi Siam pula telah dicetuskan oleh golongan intelektual berpendidikan Barat yang diterajui oleh Pridi Panomyong, Pya Bahol dan Phibul Songgram serta ahli-ahli Parti Rakyat (People's Party). Ianya hanya berlaku selama 3 hari sahaja tanpa menumpahkan darah. Tujuan utama revolusi ini dilancarkan adalah untuk mengubah pentadbiran daripada sistem beraja mutlak kepada raja berperlembagaan.
4. Revolusi China 1911 dan Revolusi Siam 1932 teretus ekoran daripada kelemahan institusi beraja. Walau bagaimanapun, terdapat juga faktor-faktor lain yang mencetuskan revolusi di negara-negara ini.

### **B. ISI**

#### **i) FAKTOR-FAKTOR REVOLUSI CHINA 1911**

##### **Kemerosotan Dinasti Manchu**

1. Keadaan ini menyebabkan rakyat ingin menggulingkan kerajaan Manchu yang mana pegawai-pegawainya telah mengamalkan korupsi, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa oleh pegawai-pegawai yang dilantik daripada kerabatnya.
2. Kerajaan Manchu juga sering mengalami kekalahan dalam peperangan-peperangannya dengan Barat. Ini menyebabkan rakyat China menganggap yang Manchu telah 'hilang mandat dari syurga' dan perlu digantikan dengan kerajaan yang baru. Oleh itu rakyat China telah menyokong idea Dr. Sun Yat Sen untuk menubuhkan kerajaan republik. Kekalahan dalam Perang Candu I dan II menyebabkan Kerajaan Manchu terpaksa menanggung hutang yang banyak. Contohnya China terpaksa membayar ganti rugi

sebanyak 200 juta tael kepada Jepun selepas Perang China-Jepun (1894-1895). Selepas Pemberontakan Boxer, Negara China terpaksa membayar sebanyak 450 juta tael kepada kuasa-kuasa asing.

3. Rakyat mulai hilang kepercayaan terhadap Kerajaan Manchu dan perlu diganti dengan Sistem Republik.

### **Sentimen Anti Manchu**

1. Sentimen anti Manchu di kalangan masyarakat Cina berbangsa Han bermula sejak Dinasti Manchu memerintah China pada tahun 1644. Orang-orang China tidak dapat menerima orang-orang Manchu sebagai masyarakat China. Sebaliknya orang-orang Manchu dianggap sebagai orang asing meskipun cara hidup mereka tidak jauh berbeza daripada cara hidup masyarakat Cina.
2. Golongan yang taat setia kepada Dinasti Ming menentang Manchu dengan melancarkan slogan **“Hapuskan Manchu, Kembalikan Dinasti Ming”** .
3. Beberapa pertubuhan anti-Manchu ditubuhkan seperti Heaven and Earth Society, White Lotus Setc, Shang Ti-Hui dan Tung Ming Hui. Pertubuhan ini telah membentuk pakatan sulit dan melancarkan pemberontakan di China seperti Pemberontakan Taiping 1850-1864 untuk menggulingkan Dinasti Manchu.

### **Kesengsaraan Rakyat China**

1. Rakyat China semakin sengsara dari segi sosio-ekonomi apabila negara mereka sering dilanda bencana alam seperti kemarau, banjir dan tanah runtuh. Keadaan ini menyebabkan rakyat hilang punca pendapatan serta bekalan makanan yang tidak mencukupi. Ini menyebabkan mereka telah menyalahkan kerajaan Manchu.
2. Manchu juga tidak begitu menghiraukan kebajikan rakyat terutama orang-orang China tulen. Cukai yang dikenakan terlalu tinggi dan membebankan rakyat. Ini telah menyemarakkan lagi perasaan anti-Manchu di kalangan rakyat.
3. Pertambahan penduduk China daripada 337 juta orang kepada 430 juta orang antara tahun 1855-1911 menyebabkan hasil pengeluaran pertanian berkurangan sehingga menimbulkan masalah makanan dan kemerosotan taraf hidup rakyat Cina.

### **Pengaruh Gerakan Revolusioner**

1. Rakyat China juga telah terpengaruh dengan idea-idea revolusioner yang dibawa oleh golongan intelek seperti Kang Yu Wei, Liang Chi Chao dan Dr. Sun Yat Sen. Keadaan ini turut mempercepatkan lagi berlakunya revolusi ini.

### **Peranan Golongan Pelajar**

1. Pada pertengahan abad ke-19 Kerajaan Manchu telah menghantar ramai pelajar ke luar negara. Mereka telah terpengaruh dengan ideologi-ideologi baru seperti demokrasi, sosialisme, liberalism, kebebasan dan hak-hak asasi manusia.
2. Kejayaan Revolusi Perancis, Gerakan Russia dan kejayaan pembaharuan Meiji di Jepun telah memberi ilham kepada pelajar-pelajar Cina untuk melancarkan revolusi di Cina.
3. Pelajar-pelajar Cina yang menuntut di Jepun telah menyebarkan idea-idea revolusi dan penggulingan Dinasti Manchu menerusi akhbar-akhbar seperti **Kuo Min Pro** dan **China**. Pelajar-pelajar yang kembali ke China juga menerbitkan akhbar **Su Pao**.

### **Peranan Dr. Sun Yat Sen**

1. Beliau berpendapat pemerintahan beraja sudah ketinggalan zaman dan menjadi punca kesengsaraan di China. Oleh itu sistem beraja perlu diganti dengan Sistem Republik. Beliau telah memperkenalkan tiga revolusi serentak iaitu Revolusi Kebangsaan untuk menggulingkan Kerajaan Manchu, Revolusi Demokrasi untuk mewujudkan sebuah republik dan Revolusi Sosial untuk hak yang sama mengenai tanah.
2. Beliau telah menubuhkan pertubuhan pemberontakan iaitu Hsing Chung-hui pada tahun 1894 di Honolulu. Beliau berharap orang China di seberang laut menyokongnya untuk tujuan pemberontakan. Moto perjuangan pertubuhan ini ialah **“Singkirkan orang Manchu, pulihkan pemerintahan China dan tubuhkan sebuah republik”**.
3. Dr. Sun Yat Sen juga menubuhkan Tung Meng Hui atau Pertubuhan Liga Bersatu bertujuan melancarkan revolusi dan menyebarkan perasaan anti Manchu melalui akhbar Min Pao.
4. Beliau juga telah melancarkan tiga prinsip rakyat iaitu nasionalisme, demokrasi dan kebajikan social.

### **Kemajuan Sistem Perhubungan**

1. Kemajuan sistem komunikasi seperti telegraf dan pos serta sistem pengangkutan seperti jalan raya dan jalan kareta telah menyebabkan aliran perjuangan revolusi dapat disebarkan dengan cepat diseluruh negara China terutama ke kawasan pedalaman. Keadaan ini mempercepatkan lagi proses revolusi.



## **Tindakan Manchu Memilik Negarakan Jalan Keretapi**

1. Keadaan ini telah menyebabkan timbul rasa tidak puashati di kalangan pembesar-pembesar wilayah yang telah hilang punca pendapatan mereka sejak sekian lama. Ini menyebabkan golongan pembesar-pembesar ini telah menyokong golongan revolusi.

## **ii) FAKTOR-FAKTOR REVOLUSI THAI 1932**

### **Kelemahan Raja Vajiravudh 1910-1925**

1. Populariti monarki mutlak raja telah merosot ketika pemerintahan Raja Vajiravudh iaitu Rama IV (1910-111925) ekoran daripada tindakan baginda yang mengamalkan nepotisme, kronisme, boros dan kemuncaknya ialah penubuhan pasukan tentera peribadinya iaitu 'Wild Tiger Corps'. Ini menimbulkan rasa tidak puas hati tentera kerajaan yang kemudiannya cuba melakukan rampasan kuasa sebanyak dua kali tetapi gagal.
2. Raja Vajiravudh juga tidak berminat dalam pentadbiran di samping mengamalkan cara pentadbiran lama. Pemodenan yang dilakukan oleh Chulalongkorn tidak diteruskan.
3. Kelemahan-kelemahan pemerintahan Raja Vajiravudh telah mewujudkan suasana bagi perkembangan revolusi yang akhirnya meletus pada 24 Jun 1932.

### **Kelemahan Raja Prajadhipok 1925-1935**

1. Kemunculan Rama IV iaitu Raja Prajadhipok (1925-1935) yang kurang berminat menjadi raja memburukkan lagi keadaan kerana cubaan baginda untuk memulihkan ekonomi Negara telah menyemarakkan lagi perasaan tidak puashati rakyat kerana rakyat merasai kesan ekonominya seperti memotong gaji pegawai-pegawai kerajaan dan tentera, menamatkan tugas pegawai-pegawai istana dan lain-lain.
2. Raja Prajadhipok mengamalkan pemerintahan yang liberal telah memberi peluang golongan berpendidikan Barat memainkan peranan penting dalam pentadbiran.

### **Perbalahan antara Menteri Perdagangan dan Menteri Peperangan**

1. Ketidakpuasan hati rakyat terhadap sistem monarki semakin meruncing apabila berlaku perbalahan dalam kabinet Prajadhipok antara Menteri Perdagangan iaitu Putera Purachatra dengan Menteri Perang iaitu Putera Boveradej pada Oktober 1931. Keadaan ini memuncakkan lagi ketidakyakinan rakyat terhadap pemerintahan beraja di Siam.

### **Kemunculan Golongan Berpendidikan Barat**

1. Golongan ini muncul ekoran daripada perkembangan sistem pendidikan yang dilakukan oleh Raja Mongkut dan Raja Chulalongkorn. Golongan ini telah terdedah kepada idea-idea Barat seperti demokrasi, liberalisme, sosialisme dan anti-monarki.
2. Apabila pulang ke Siam, mereka ingin mengubah struktur pemerintahan Siam yang masih berbentuk monarki raja. Oleh itu, golongan ini telah menubuhkan sebuah parti yang dikenali sebagai Parti Rakyat untuk merealisasikan perjuangan mereka.
3. Golongan terpelajar ialah Nai Pridi Panomyong, Pya Bahol, Pya Manopakorn dan Pibul Songgram. Mereka mendapat pendidikan di Perancis

### **C. KESIMPULAN**

1. Sebagai kesimpulannya kita dapati, revolusi yang berlaku di Negara China dan Siam telah meninggalkan kesan yang berbeza.
2. Di negara China, revolusi ini telah berjaya menjatuhkan kerajaan beraja mutlak dan digantikan dengan kerajaan republik. Walau bagaimanapun, kerajaan republik kini tidak dapat dijalankan sepenuhnya kerana pemimpin dan rakyat negara China tidak memahami istilah republik. Keadaan ini menyebabkan muncul golongan berideologi komunis yang kemudiannya berjaya menubuhkan kerajaan Republik Komunis mulai tahun 1949.
3. Di Siam pula, keadaan agak berbeza kerana revolusi ini hanya berjaya menjatuhkan kerajaan beraja mutlak sahaja dan digantikan dengan kerajaan demokrasi beraja berperlembagaan. Walaupun demokrasi cuba dijalankan di Siam namun ianya amat terhad kerana campurtangan pihak tentera dan sering kali berlaku rampasan-rampasan kuasa sebelum dan selepas Perang Dunia yang kedua.

## **SOALAN 11:**

**Bincangkan peranan golongan pelajar dalam Gerakan 4 Mei 1919 di China dan golongan Thakin di Myanmar 1932 hingga 1948.**

### **A. PENGENALAN**

1. Gerakan 4 Mei 1919 merupakan peristiwa demonstrasi, permogokan dan tunjuk perasaan yang dianjurkan oleh pelajar-pelajar maktab dan universiti-universiti di China.
2. Tercetus di Peking, dianggap sebagai zaman revolusi intelektual di negara China (sehingga tahun 1927). Tercetus akibat penentangan golongan pelajar dan pensyarah pusat pengajian tinggi terhadap imperialisme ke atas rakyat dan negara China.
3. Gerakan ini bermatlamat untuk memulihkan semula maruah China seperti keadaan sebelum Perang Candu Pertama sebagai kerajaan yang paling bertamadun.
4. Di Myanmar pula wujud golongan pelajar yang menggelarkan mereka sebagai Thakin atau Tuan yang memainkan peranan penting dalam merencanakan nasionalisme Myanmar bermula tahun 1936 dengan penubuhan Dobama Asiayone. (Pertubuhan Kita Orang Burma)
5. Dobama Asiayone dianggotai oleh golongan pelajar yang dianggap lambang perpaduan kolektif kerana kewujudannya adalah hasil percantuman antara Persatuan Dobama (1930) dan Liga Pemuda Seluruh Burma (1931).
6. Golong Thakin bertekad untuk mendapatkan kemerdekaan sepenuhnya daripada British dengan mendakwa bahawa orang Burma adalah tuan sebenar negara Burma bukannya British.

### **B. ISI**

#### **I. Peranan Pelajar Dalam Gerakan 4 Mei 1919 di China**

##### **a. Membangkitkan semangat kebangsaan.**

- i. Golongan pelajar memainkan peranan penting dalam menganjurkan semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat China. Ia tidak terhad kepada pelajar sahaja, sebaliknya merangkumi pelbagai lapisan masyarakat di China.
- ii. Demonstrasi yang dilakukan oleh golongan pelajar m,engakibatkan demonstrasi-demonstrasi dan permogokan di seluruh China.

- iii. Kesannya buat pertama kali pekerja-pekerja di negara China telah mengadakan demonstrasi secara besar-besaran di Peking, Tientsin, Shanghai, Hankow dan bandar-bandar lain.

**b. Menyemarakkan sentimen anti-Jepun.**

- i. Golongan pelajar di China menganggap Tuntutan 21 Perkara (21 Januari 1915) dan Perjanjian China-Jepun pada Mei 1915 merupakan satu penghinaan terhadap negara China.
- ii. Tindakan Yuan Shih Khai yang mengalah dianggap menyeleweng dan menimbulkan kegelisahan golongan pelajar serta pensyarah pusat-pusat pengajian tinggi.
- iii. Mereka mendesak kerajaan China menolak sama sekali Tuntutan 21 Perkara Jepun serta menghukum tiga orang ahli politik China yang pro-Jepun dan bertanggungjawab menerima tuntutan-tuntutan tersebut bagi pihak China.
- iv. Golongan pelajar telah mengadakan kempen memulau barangan Jepun di China. Gerakan ini mendapat liputan meluas daripada akhbar dan sokongan daripada beberapa pihak termasuk Dr. Sun Yat Sen dan kerajaan An-Fu di Peking.
- v. Pemuluan ini telah menjejaskan perdagangan Jepun dengan China. Import barangan Jepun jatuh mengejut di China.
- vi. Gerakan ini telah menyebabkan sentimen anti-Jepun telah meningkat dalam kalangan rakyat China.

**c. Mengembalikan hak China di Shantung.**

- i. Perjanjian Versailles 1919 telah menyerahkan hak-hak konsesi Jerman di Shantung kepada Jepun. Oleh itu golongan pelajar bersama-sama rakyat China lain sama ada dalam atau luar negara menentang hebat persidangan ini. Mereka mendesak wakil negara China supaya tidak menandatangani perjanjian yang berat sebelah itu.
- ii. Atas desakan hebat ini, wakil China enggan menandatangani perjanjian tersebut. Manakala tiga ahli politik China yang bertanggungjawab menerima Tuntutan 21 Perkara Jepun dipaksa meletak jawatan.
- iii. Kejayaan dicapai apabila dalam Persidangan Washington 21 November 1921, hak China di Shantung dikembalikan setelah Jepun bersetuju menarik diri dari menguasai Shantung.

**d. Merintis penubuhan Kerajaan Kebangsaan China (KMT) di Nanking 1928.**

- i. Kegiatan pelajar dalam Gerakan 4 Mei 1919 telah mengurangkan pengaruh dan kedudukan penglima-penglima tentera yang menguasai kerajaan China di Peking, menyebabkan kerajaan hulubalang yang ditegakkan atas kekuatan tentera dan tradisional kurang popular.

- ii. Golongan pelajar menyalahkan mereka atas kegagalan negara China menjaga kepentingan negara dalam Persidangan Versailles.
- iii. Keadaan ini memberi kesan positif dan inisiatif dalam membaiki dan memperkukuhkan Kuomintang (KMT) yang dipimpin oleh Dr. Sun Yat Sen. KMT dapat disusun lebih kemas dan muncul sebagai satu organisasi terpenting di China yang berjaya menyatukan negara China.
- iv. Pada tahun 1928, Kerajaan Kebangsaan China ditubuhkan di Nanking.

**e. Merintis jalan perkembangan ideologi komunis China.**

- i. Ideologi Barat menarik minat para intelek dan pelajar China. Ramai daripada mereka terpengaruh dengan perkembangan ideologi Karl Marx (Marxist) dan Bolshevik yang tersebar melalui makalah-makalah dan majalah yang diterbitkan oleh golongan pelajar yang revolusioner lebih-lebih lagi selepas kejayaan Revolusi Bolshevik di Rusia.
- ii. Antara yang terpengaruh ialah Chen Tu Hsiu iaitu Dekan Fakulti Kesusasteraan di Universiti Imperial di Peking (PEITA), Li Ta Chao iaitu Pustakawan dan Mao Tze Tung seorang pembantu Pustakawan.
- iii. Pada 1918, Li Ta Chao menubuhkan "Society for the Study of Marxisme" di PEITA. Chen Tu Hsiu yang menganut fahaman Marxist-Leninist telah menubuhkan "Socialist Youth Corps" pada tahun 1920 di Shanghai.
- iv. Pada 1921, Li Ta Chao dan Chen Tu Hsiu telah menubuhkan Parti Komunis China. Kerjasama PKC dan KMT telah memberi peluang kepada perkembangan fahaman komunis dan merintis jalan terbuka ke arah pembentukan Republik China Komunis pada tahun 1943.

**f. Perkembangan intelektual melalui Gerakan Kebudayaan Baru.**

- i. Aktiviti intelektual telah berkembang pesat hasil Gerakan Kebudayaan Baru. Golongan Pelajar telah menghasilkan dan menyebarkan bahan-bahan bacaan sama ada terjemahan dari Barat atau dihasilkan sendiri oleh tenaga-tenaga intelek China.
- ii. Beratus-ratus majalah dan akhbar telah diterbitkan ke arah menyumbang dan mewujudkan masyarakat China baru. Antaranya ialah Pemuda Baru (New Youth), Aliran Baru (New Tide) dan Pembidas Mingguan (Weekly Critic).
- iii. Kesannya, idea dan pemikiran pensyarah-pensyarah PEITA berkembang ke seluruh negara China. Para intelek seperti Chen Tu Hsiu dan Lu Hsiu mengkritik masyarakat tradisional China yang bersaskan Confucius kerana banyak idea daripada pengajian tradisional Confucius bertentangan dengan kemajuan dan perkembangan intelektual moden. Mereka menyokong pembentukan negara China yang moden berasaskan sains dan idea-idea baru.

**g. Membantu meningkatkan kedudukan wanita.**

- i. Dalam Gerakan 4 Mei 1919, pelajar-pelajar wanita melibatkan diri dengan mengambil bahagian aktif dan berani dengan menyertai demonstrasi-demonstrasi yang diadakan.
- ii. Ini telah meletakkan golongan wanita ke tempat yang lebih baik dalam gerakan perjuangan kebangsaan China.

**II. Peranan Golongan Thakin Di Myanmar 1932 hingga 1948**

**a. Melancarkan permogokan.**

- i. Pada 1936, pelajar Universiti Rangoon melancarkan satu permogokan gabi membantah tindakan disiplin yang dikenakan terhadap Thakin U Nu dan Thakin Aung San iaitu dua orang pemimpin pelajar Universiti Rangoon yang mengkritik sistem pentadbiran universiti.
- ii. Pelajar Universiti Rangoon menuntut agar pindaan-pindaan dibuat kepada Akta Universiti 1920.
- iii. Tempias permogokan itu telah merebak ke kira-kira 32 buah sekolah menengah di sekitar Rangoon.
- iv. Populariti mereka semakin meningkat apabila perjuangan mereka untuk meminda Akta Universiti telah diluluskan.

**b. Penglibatan dalam pilihan raya.**

- i. Parti Thakin juga melibatkan diri dalam politik bagi memperjuangkan masalah ekonomi dan melakukan usaha-usaha gerakan kebangsaan untuk mencapai kemerdekaan dengan lebih bertenaga.
- ii. Pada tahun 1936, Thakin mengambil bahagian dalam pilihan raya pertama, (Dis 1936) melalui Parti Komin Kochin, namun hanya berjaya 3 kerusi sahaja.
- iii. Dr. Ba Maw, pemimpin Parti Sinyeta, mewujudkan kerajaan campuran dan menjadi Perdana Menteri Burma yang pertama.

**c. Merancang penubuhan persatuan-persatuan.**

- i. Untuk mendapatkan sokongan dan bantuan petani dan pekerja-pekerja am, golongan Thakin telah merancang dan menggalakkan penubuhan beberapa persatuan lain.
- ii. 1936, menubuhkan Pertubuhan Petani-Petani Burma dan All Burma Cultivators League.
- iii. 1940, menubuhkan All Burma Trades Union Congress untuk menyelaraskan kegiatan pertubuhan-pertubuhan buruh sekali gus menentang penjajahan British

#### **d. Menubuhkan Blok Pembebasan.**

- i. 1939, bekerjasama dengan bekas Perdana Menteri iaitu Dr. Ba Maw menubuhkan Blok Pembebasan. Ini bertujuan menggunakan situasi Perang Dunia Kedua untuk mendapatkan konsesi-konsesi daripada British dari penyertaan Burma dalam perang tersebut.
- ii. Perjuangan mereka mendapat sokongan daripada masyarakat termasuk Panyi (Sami-sami Buddha).
- iii. Tindakan U Pu (Perdana Menteri Burma Kedua) yang memberi jaminan kepada British bahawa penglibatan Burma dalam Perang Dunia Kedua adalah tanpa syarat telah menyebabkan golongan Thakin melancarkan kempen mereka.
- iv. Corak perjuangan golongan Thakin ini telah membimbangkan kerajaan kerana kecenderungannya mengadakan hubungan dengan gerakan kebangsaan pelbagai ideologi di negara-negara lain seperti Kongres Kebangsaan India, KMT dan PKC di China.
- v. Penghujung tahun 1940, kerajaan U Pu dijatuhkan dan U Saw mengetuai kerajaan Burma.
- vi. Tindakan segeranya ialah mengharamkan Blok Pembebasan pemimpin-pemimpin Thakin dan Dr. Ba Maw ditangkap, menyebabkan Thakin Aung San dan 30 orang Thakin yang lain melarikan diri ke China.

#### **e. Mengadakan pakatan dengan Jepun.**

- i. Pada 1941, Thakin Aung San membuat pakatan dengan Jepun dan mereka bersetuju membantu Jepun menawan Myanmar daripada British. Jepun pula berjanji akan memberikan kemerdekaan kepada Myanmar.
- ii. Ramai Thakin dihantar ke Jepun menjalani latihan tentera. Mereka kemudiannya menubuhkan Tenterra Kemerdekaan Burma yang terdiri daripada 30,000 orang ahli pada tahun 1941.
- iii. Pada 1 Ogos 1943, Jepun memberi kemerdekaan kepada Burma, namun kuasa pemerintahan sebenarnya masih di tangan Jepun. Ini menyebabkan para nasionalis mengadakan pakatan sulit dengan komunis untuk menentang Jepun pula.
- iv. Akhirnya pada 1945, dengan bantuan LPRAF, British menguasai Myanmar kembali.

#### **f. Kemerdekaan Myanmar 1943**

- i. Akibat usaha-usaha Thakin, Jepun telah memberi kemerdekaan kepada Burma pada 1 Ogos 1943. Sebuah kerajaan baru dibentuk dengan Dr. Ba Maw sebagai Perdana Menteri.
- ii. Kerajaan baru ini dipengaruhi oleh golongan Thakin yang memegang banyak jawatan dalam kabinet baru tersebut. Antara lain, Thakin Mya dilantik sebagai Timbalan

Perdana Menteri, Rhakin Aung San sebagai Menteri Pertahanan dan Thakin U Nu sebagai menteri Hal-Ehwal Luar Negeri.

**g. Penubuhan Liga Pembebasan Rakyat Anti-Fascist**

- i. Jepun tidak memberi kemerdekaan dalam erti kata yang sebenarnya kepada Myanmar. Kuasa sebenar masih terletak dalam tangan pihak Jepun.
- ii. Oleh yang demikian dalam tahun 1944 golongan Thakin dengan bantuan lain-lain pertubuhan nasionalis telah menubuhkan Liga Pembebasan Rakyat Anti-Fascist bagi menentang Jepun. (LPRAF).
- iii. LPRAF seterusnya menyebelahi Inggeris dalam bulan Mac 1945 apabila ia secara terbuka menentang Jepun. Dalam bulan Ogos 1945, Jepun menyerah kalah secara rasmi.
- iv. Selepas perang, LPRAF yang dikuasai oleh golongan Thakin muncul sebagai pertubuhan nasionalis Burma yang utama.

**h. Kemerdekaan Burma 1948**

- i. Dalam bulan Januari 1947, Thakin Aung San telah memimpin satu delegasi ke London untuk membincangkan kemerdekaan Burma.
- ii. Kerajaan British bersetuju untuk mengadakan pilihanraya bagi 'Constituent Assembly' dalam bulan April 1947. British juga bersetuju untuk memberi kemerdekaan dalam jangka masa setahun.
- iii. Dalam pilihanraya bagi 'Constituent Assembly', LPRAF telah memenangi 171 buah kerusi daripada 182 kerusi yang dipertandingkan.
- iv. Constituent Assembly seterusnya menggubal satu perlembagaan bagi Myanmar. Seterusnya Myanmar mencapai kemerdekaan sepenuhnya pada 4 Januari 1948. Thakin U Nu dilantik sebagai Perdana Menteri.

**C. KESIMPULAN**

1. Penglibatan pelajar dalam Gerakan 4 Mei 1919 telah membawa erti yang besar kepada zaman pembaharuan China.
2. Gerakan yang bertujuan untuk memberi kebebasan, kemerdekaan dan mewujudkan kebudayaan moden supaya dapat merombak keadaan silam dan meransang golongan muda ke arah nasionalisme ini telah berjaya memupuk keyakinan mereka menyebabkan mereka bertindak balas terhadap imperialisme asing. Kesannya dalam tahun 1920-an, China mula menjadi sebahagian daripada dunia moden.
3. Di Burma pula, penglibatan pelajar dalam memperjuangkan kemerdekaan Burma sangat penting. Atas usaha merekalah masyarakat Burma disatukan.



## **SOALAN 12:**

**Jelaskan pembaharuan-pembaharuan yang dijalankan oleh Amerika Syarikat (SCAP) di negara Jepun antara tahun 1945 hingga 1952.**

### **A. PENGENALAN**

1. Pendudukan Amerika Syarikat di Jepun secara rasmi bermula pada 2hb September 1945 bila mana tentera Jepun tewas dalam Perang Dunia Kedua.
2. Sepanjang pendudukan tersebut Jepun telah ditadbir oleh Jeneral Douglas Mac Arthur, Pemerintah Agung Kuasa-Kuasa Berikat iaitu Supreme Council Absolute Power (SCAP).
3. Sepanjang pendudukan tersebut, banyak perubahan telah dilakukan oleh Amerika Keadaan ini secara langsungnya telah mengubah aliran dan perkembangan sejarah moden negeri Jepun.

### **B. ISI**

**Pembaharuan-pembaharuan oleh Amerika Syarikat di Jepun.**

#### **a. Pembaharuan Politik**

##### **1. Pembubaran angkatan tentera.**

- i. Salah satu tugas utama SCAP ialah untuk membubarkan angkatan Jepun. Ini adalah untuk memastikan bahawa negara Jepun tidak dapat mengancam keamanan dan keselamatan dunia.
- ii. Jentera perang Jepun telah dimusnahkan. Antara yang terlibat ialah kesemua angkatan tentera bersama 1,300 persatuan nasionalis telah dibubarkan. Kilang-kilang membuat senjata juga telah ditutup.
- iii. Semua tentera Jepun dan orang awam yang berada di seberang laut telah dibawa balik ke negeri Jepun. Perbicaraan terhadap orang Jepun khususnya golongan tentera yang dianggap penjenayah telah diadakan. Lanjutannya tujuh orang pemimpin kanan Jepun termasuk Panglima Tojo telah dijatuhi hukuman gantung sampai mati pada bulan Disember 1948.
- iv. SCAP juga telah bertindak menyingkirkan kira-kira 200,000 orang pegawai tentera kerajaan dan pemimpin perniagaan yang dipercayai terlibat dengan dasar perluasan kuasa kerajaan Jepun.

## **2. Pengenalan unsur-unsur demokrasi.**

- i. Sepanjang pendudukan SCAP, Jepun telah diperkenalkan dengan unsur-unsur demokrasi. Implikasinya, satu perkembangan demokratik yang baru telah diperkenalkan pada tahun 1947. Lanjutan daripada itu Jepun telah mengamalkan semula sistem kerajaan berparlimen dengan keunggulan Diet. (Dewan Rakyat dan House of Councillors).
- ii. Diet telah dijadikan organ kuasa negara yang tertinggi dan organ perundangan yang tunggal. Diet juga diberi kuasa penuh ke atas hal-hal berkaitan kewangan.
- iii. Kuasa kerajaan pusat telah diagih dan pilihanraya tempatan amat digalakkan. Kementerian Dalam Negeri yang menguasai jabatan polis dan pentadbiran tempatan turut dibubarkan.
- iv. Perlembagaan baru tersebut, telah memberi jaminan akan hak-hak asasi seperti, kebebasan dan persamaan dari segi undang-undang. Tahanan politik telah dibebaskan, malah sebarang peperangan telah diharamkan.
- v. Perlembagaan baru ini juga, telah mengubah kedudukan Maharaja Jepun yang telah dianggap suci dan 'inviolable'. Maharaja Jepun hanya dijadikan lambang negara dan perpaduan rakyat Jepun. Baginda tidak lagi mempunyai sebarang kuasa berkaitan dengan pentadbiran negara, malah kerajaan Jepun telah bertukar menjadi sekular.

## **b. Pembaharuan Ekonomi.**

- i. Pemulihan ekonomi merupakan kesan jangka panjang pendudukan SCAP di Jepun. Pihak berkuasa SCAP telah memperkenalkan beberapa ekonomi yang bertujuan menggalakkan pembahagian pendapatan yang lebih luas dalam kalangan rakyat Jepun.
- ii. Pihak berkuasa SCAP telah melaksanakan satu program pembaharuan tanah yang bertujuan menambahkan pemilikan tanah oleh para petani. Melalui Akta Pembaharuan Tanah 1946, pihak berkuasa SCAP telah membeli tanah-tanah kepunyaan tuan tanah tidur (Absentee landlords). Tanah-tanah ini kemudian dijual dengan harga rendah kepada para petani. Langkah ini telah menambahkan jumlah tanah pertanian yang dipunyai oleh petani-petani.
- iii. Pihak berkuasa SCAP juga telah mengambil langkah untuk menghapuskan monopoli ekonomi golongan Zaibatsu di Jepun. Sebanyak 83 buah syarikat induk kepunyaan Zaibatsu telah dibubarkan. Harta-harta kepunyaan Zaibatsu telah dibekukan dan akhirnya ahli-ahli keluarga serta eksekutif Zaibatsu telah disingkirkan.
- iv. Pihak berkuasa SCAP juga telah menggalakkan penubuhan kesatuan-kesatuan sekerja. Akta Kesatuan Sekerja 1945 telah memberi hak kepada pekerja untuk mengadakan pemogokan dan perundingan secara kolektif. Ekoran itu didapati bilangan ahli kesatuan sekerja telah meningkat dengan pesatnya.

- v. Selepas tahun 1948, dasar ekonomi pihak berkuasa SCAP di Jepun telah berubah. Peletusan Perang Dingin di antara dunia Barat dan Timur telah memaksa pihak berkuasa SCAP bertindak mengukuhkan lagi ekonomi negara Jepun sebagai sekutu dunia Barat untuk menentang komunisme.
- vi. Pembayaran ganti rugi perang oleh kerajaan Jepun telah dihapuskan. Amerika Syarikat telah bersetuju memberi bantuan ekonomi dan mempergiatkan lagi langkah-langkah untuk memulihkan ekonomi negara Jepun. Perdagangan antarabangsa Jepun turut digalakkan.

**c. Pembaharuan Sosial.**

- i. Pihak berkuasa SCAP telah menyusun semula sistem pendidikan Jepun berasaskan model Amerika Syarikat. Perubahan-perubahan dalam pendidikan adalah bertujuan memperluaskan pendidikan dan fikiran masyarakat Jepun.
- ii. Pendidikan wajib telah dilanjutkan daripada enam tahun ke sembilan tahun. Kursus-kursus lama mengenai etnik yang telah menggalakkan perkembangan fahaman ketenteraan digantikan dengan kursus-kursus sains sosial. Pentadbiran pendidikan telah diletakkan di bawah penguasaan kerajaan tempatan.

**C. KESIMPULAN**

1. Ternyata pendudukan Amerika Syarikat berjaya melakukan pelbagai pembaharuan. Malah pembaharuan tersebut telah dapat diterima dengan terbuka oleh masyarakat tempatan.
2. Pembaharuan-pembaharuan yang dilakukan itu juga telah secara langsungnya membantu dan memulihkan ekonomi Jepun di samping berjaya mengekalkan sebuah kerajaan berparlimen yang kukuh.